



PQ/PP1505(17864)

# Sosialis

*Bersama Membina Kuasa Rakyat*

JAN-MAC 2019

RM 2 | RM 3 (HARGA SOLIDARITI)

**GAJI MINIMUM  
RM1100  
CUKUP TAK?**



<https://sosialis.net>

## muka surat

- |   |   |
|---|---|
| <p>3 Dari meja pengarang</p> <p>4 <b>Gaji minimum RM1,100 cukup tak?</b></p> <p>6 Adakah kenaikan gaji minimum akan menjasaskan ekonomi?</p> <p>7 Pekerja pembersihan hospital kerajaan dapat Anugerah Hak Asasi Manusia</p> <p>8 Kerajaan perlu lindungi sistem kesihatan awam</p> <p>9 Skim Insurans Kesihatan - <i>primum non nocere</i></p> <p>10 Rumah mampu milik atau mampu mimpi?</p> | <p>12 Imbas kembali 2018 - dalam negara</p> <p>13 Imbas kembali 2018 - antarabangsa</p> <p>14 ICERD dan politik perkauman: Malaysia baru, ancaman lama</p> <p>15 Pemansuhan hukuman mati</p> <p><b>16 UBI: Utopia atau neraka?</b></p> <p>18 Filem, perjuangan kelas &amp; pembebasan masyarakat</p> <p>20 Rosa Luxemburg: Peneraju idea kiri radikal</p> <p>22 <i>Progressive International</i>: Gerakan sosialisme demokratik antarabangsa baru</p> |
|---|---|

# Forum Sosialisme 2018

Parti Sosialis Malaysia (PSM) telah menganjurkan Forum Sosialisme 2018 pada 7-9 Disember lalu di Kuala Lumpur.

Forum Sosialisme merupakan program tahunan yang diadakan sejak tahun 2005. Forum Sosialisme tahun ini merupakan forum antarabangsa yang menghimpunkan aktivis dari dalam dan luar negara untuk membincangkan pelbagai topik penting berkaitan dengan pergolakan masyarakat dan perjuangan rakyat pada masa kini. Forum tahun ini yang bertemakan "Keperluan Rakyat Bukan Ketamakan Korporat" (*People's Need Not Corporate Greed*) telah disertai oleh aktivis kiri dari India, Indonesia, Filipina, Thailand, Australia, Jerman dan Sepanyol,


di samping aktivis-aktivis dari Malaysia.

Topik yang dibincangkan termasuklah Amerika Syarikat di bawah pentadbiran Trump dan hubungannya dengan susunan kapitalis sedunia, gerakan #MeToo yang mencabar seksisme dan sistem patriarki, krisis imigrasi sedunia, *precariat* sebagai kelas pekerja baru, cabaran kepada gerakan kiri antarabangsa, kerelevan pemikiran Karl Marx dan peranan politik kiri dalam era Malaysia Baru. Perbincangan dalam forum ini amat hangat dengan peserta berkesempatan untuk berkongsi pandangan tentang bagaimana membina alternatif sosialis yang mampu mencabar sistem kapitalis hari ini.##



## SUDUT KOMIK

### Jangan hina pekerja dengan gaji rendah



# Mengenai PSM

**Parti Sosialis Malaysia (PSM)** ialah sebuah parti politik yang berasaskan prinsip sosialisme dan beraspirasikan perjuangan rakyat yang berteraskan keadilan sosial.

PSM memperjuangkan kesejahteraan rakyat, keadilan sosial dan demokrasi sejati, demi membebaskan rakyat daripada segala bentuk penindasan dan membina sebuah masyarakat yang benar-benar sejahtera untuk semua.

## PSM lahir dari perjuangan rakyat

PSM ditubuhkan pada tahun 1998, oleh aktivis-aktivis yang bergiat dalam gerakan perjuangan rakyat marhaen. Aktivis-aktivis daripada kumpulan masyarakat seperti Suara Warga Pertwi (SWP), Alaigal dan Pusat Pembangunan Masyarakat (CDC), yang telah terlibat dalam perjuangan masyarakat ladang dan peneroka bandar bertahun-tahun lamanya, telah membentuk satu jaringan dan menganjurkan aksi Hari Pekerja 1994, satu aksi jalanan sambutan hari bersejarah bagi golongan pekerja yang berlangsung untuk pertama kalinya selepas dua dekad pada masa itu. Jaringan gerakan rakyat tersebut kemudiannya berkembang dan akhirnya berputus untuk menubuhkan PSM, sebuah parti politik yang memperjuangkan kepentingan kelas pekerja dan rakyat marhaen.

Walaupun PSM ditubuhkan pada tahun 1998, tetapi ia mengambil tempoh masa 10 tahun untuk mendaftarkan PSM sebagai sebuah parti politik yang sah. Walaupun tidak dibenarkan untuk didaftarkan pada awalnya, aktivis PSM tidak berputus asa dalam memperjuangkan pendaftaran parti di samping meneruskan usaha memperjuangkan isu-isu rakyat. PSM merupakan parti politik pertama di Malaysia yang mencabar Menteri Dalam Negeri dan Kerajaan Malaysia dalam mahkamah kerana dinafikan pendaftaran. Dengan kempen menuntut kebebasan berpersatuhan yang mendapat sokongan hebat dari dalam dan luar negara, PSM akhirnya didaftarkan pada tahun 2008.

## PSM berjuang bersama rakyat

PSM terlibat dalam pelbagai perjuangan di peringkat kawasan tempatan dan juga nasional, termasuk melawan pengusiran paksa, memperjuangkan hak perumahan, menuntut pelaksanaan akta gaji minimum, membantah cukai GST, menentang penswastaan hospital, menuntut penubuhan tabung pemberhentian kerja, menuntut pemuliharaan pilihanraya tempatan, menegakkan hak asasi rakyat dan sebagainya.



Penglibatan PSM dalam memperjuangkan isu-isu rakyat ini, bertujuan bukan sahaja mempertahankan hak dan kesejahteraan rakyat daripada ancaman kerakusan golongan atasan, tetapi juga untuk memperkasakan rakyat bawah supaya rakyat sendiri dapat memperjuangkan kepentingan bersama masyarakat dan membawa perubahan yang sebenar.

## Agenda perjuangan PSM

### Demokrasi sejati

Rakyat biasa dapat menyertai sepenuhnya dalam proses menentukan halaju masyarakat dan masa depan kehidupan sendiri.

### Keadilan ekonomi

Pengagihan kekayaan masyarakat yang saksama, supaya segala hasil usaha rakyat dapat dinikmati bersama semua orang.

### Kelestarian alam sekitar

Pembangunan masyarakat yang menjamin keseimbangan ekologi alam sekitar supaya generasi kita akan datang dapat terus hidup dalam persekitaran bumi yang bersih dan selamat.

### Isu-isu yang diperjuangkan PSM

termasuk:

- Gaji pekerja yang mampu sara hidup.
- Perumahan untuk semua rakyat. Rumah untuk diduduki rakyat, bukannya untuk keuntungan korporat.
- Cukai lebih tinggi ke atas golongan mahakaya 1% teratas.
- Pendidikan percuma sehingga ijazah pertama.
- Tingkatkan perkhidmatan kesihatan awam. Sekat pembukaan hospital swasta.
- Iktiraf hak tanah adat masyarakat Orang Asli.
- Lindungi hak tanah untuk petani kecil yang menghasilkan bahan makanan demi memperkuatkkan jaminan makanan negara.
- Pembangunan tenaga boleh diperbaharui yang selamat.
- Pencen untuk semua warga emas.
- Kembalikan pilihanraya tempatan.
- Hentikan politik perkauman.

Sumbangan kewangan boleh disalurkan kepada akaun **Maybank:**  
**PARTI SOSIALIS MALAYSIA**  
No. Akaun: 512080337313

## DARI MEJA PENGARANG

Rakyat menyambut "Malaysia Baru" selepas PRU-14 yang menyaksikan kejatuhan rejim UMNO-BN dan pembentukan kerajaan Pakatan Harapan di peringkat Persekutuan serta kebanyakan negeri di Malaysia. Namun, masalah lama masih menghantui "Malaysia Baru" ini. Ancaman politik perkauman masih begitu nyata sekali, dengan kontroversi yang timbul sekitar isu ratifikasi Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Diskriminasi Kaum (ICERD) yang digunakan oleh sesetengah puak berhaluan kanan untuk terus mencetuskan ketegangan kaum dalam masyarakat majmuk kita.

Dasar ekonomi yang diamalkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan nampaknya masih berpegang pada fahaman neoliberal yang mengutamakan keuntungan golongan korporat. Fahaman ekonomi neoliberal yang mengikat pemikiran membuat dasar negara menyebabkan kerajaan kita masih terperangkap dalam paradigma lama yang menganggap pasaran bebas kapitalis boleh menyelesaikan semua masalah. Pengenalan skim insurans kesihatan untuk golongan B40, sokongan kerajaan kepada platform penjanaan dana masyarakat

(*property crowdfunding*) yang dipacu oleh sektor swasta untuk pembelian rumah dan sebagainya, jelas menunjukkan bahawa kerajaan kita masih gagal memahami isu pokoknya dan cuba menggunakan dasar neoliberal untuk menyelesaikan masalah yang timbul daripada dasar neoliberal itu sendiri.

Di peringkat antarabangsa pula, kita dapat menyaksikan kemunculan ancaman politik berhaluan kanan lampau yang mempermudahkan sentimen perkauman dan xenofobia ketika sistem kapitalis global sedang terjerumus dalam krisis yang mendalam. Adalah menjadi begitu perlunya untuk kita membina solidariti antara gerakan kiri di dunia dalam menghadapi ancaman global ini. Dengan semangat internasionalisme, PSM menyokong usaha yang dilakukan oleh gerakan kiri di peringkat antarabangsa untuk membina solidariti merentasi sempadan negara, termasuk usaha membina "*Progressive International*" yang diterajui oleh *The Sanders Institute* dan DiEM25. ##

## Langganlah Akhbar Sosialis: Sekarang!

Akhbar Sosialis, ialah lidah rasmi kepada Parti Sosialis Malaysia (PSM). Akhbar Sosialis diterbitkan secara bercetak setiap 3 bulan sekali dan mempunyai versi online yang dikemaskini secara kerap.

Akhbar Sosialis menerbitkan maklumat terkini tentang perjuangan rakyat dan analisis kiri tentang isu-isu penting dalam masyarakat. Akhbar Sosialis menawarkan perspektif kiri yang berasaskan keadilan sosial dan pembebasan rakyat.

Jika anda mahu AKHBAR SOSIALIS versi percetakan yang dikeluarkan setiap 3 bulan sekali diposkan terus kepada anda, maka anda boleh melanggan terus dengan kami.

Harga solidariti (termasuk harga setem) untuk langganan ialah RM25 untuk tempoh 2 tahun (6 keluaran).

Nama :  
Alamat :

Telefon :  
E-mel :

Boleh salurkan wang langganan terus kepada akaun **MAYBANK:**  
**PARTI SOSIALIS MALAYSIA**  
No. Akaun: 512080337313



Layari [SOSIALIS.NET](https://sosialis.net/) untuk versi online Akhbar Sosialis:

<https://sosialis.net/>

# Gaji minimum RM1100 cukup tak?

Kerajaan telah mengumumkan cadangan untuk menaikkan gaji minimum kepada RM1,100 sebulan di seluruh Malaysia mulai 1 Januari 2019, semasa pembentangan Belanjawan 2019 oleh Menteri Kewangan Lim Guan Eng pada 2 November 2018. Ini bermakna bahawa Kerajaan menaikkan gaji minimum sebanyak RM50 lagi berbanding cadangan awalnya (RM1,050) dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri pada 5 September 2018, setelah pekerja-pekerja membantah dengan hebatnya kenaikan gaji minimum yang sedikit ini.

Jika bukannya aksi bantahan yang dianjurkan oleh Gabungan Bantah RM1050 pada 17 Oktober 2018, Kerajaan tidak akan mempertimbangkan untuk menaikkan lagi gaji minimum ke kadar yang lebih tinggi. Namun, adakah kadar gaji minimum RM1,100 ini mencukupi?

Adakah pekerja Malaysia menerima gaji minimum yang mampu sara hidup secara bermaruah?

## Janji Pakatan Harapan dan realiti

Sebelum mengambil alih kuasa pentadbiran di peringkat Persekutuan, Pakatan Harapan telah menjanji bahawa gaji minimum akan disamaratakan untuk seluruh negara dan dinaikkan kepada RM1,500 sebulan dalam tempoh masa 5 tahun.

Dalam "Sepuluh Janji Seratus Hari" yang digariskan dalam Buku Harapan, iaitu manifesto pilihanraya Pakatan Harapan semasa PRU-14, Pakatan Harapan menjanji bahawa akan "menyamaratakan gaji minimum seluruh negara dan seterusnya memulakan proses meningkatkan gaji minimum". Sementara itu, dalam Janji 34 Buku Harapan yang bertajuk "meningkatkan pendapatan rakyat terbanyak", telah dinyatakan bahawa "kadar gaji minimum akan dinaikkan kepada RM1,500 sebulan di seluruh negara dalam penggal pertama pentadbiran Kerajaan Pakatan Harapan".

Janji untuk menyamaratakan gaji minimum seluruh negara sudah pun dilaksanakan. Proses meningkatkan gaji minimum walaupun berlaku, tetapi perkembangannya agak lembab dan tidak memuaskan.

Dengan kenaikan gaji minimum

kepada RM1,100 sebulan mulai 1 Januari 2019, bermakna gaji minimum perlu dinaikkan kepada RM1,300 sebulan pada tahun 2021 dan kemudiannya kepada RM1,500 sebulan pada tahun 2023 sekiranya Kerajaan Pakatan Harapan berhasrat menunaikan janjinya berkaitan dengan gaji minimum.

Mengikut Seksyen 25(1) Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732), Majlis Perundingan Gaji Negara hendaklah mengkaji semula perintah gaji minimum sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap dua tahun. Namun, dalam realitinya, penetapan undang-undang untuk mengkaji semula gaji minimum ini tidak pernah dipatuhi oleh Kerajaan sebelum ini. Dari 1 Januari 2013, iaitu apabila gaji minimum mula berkuatkuasa (dengan kadar gaji minimum RM900 untuk Semenanjung Malaysia, dan RM 800 untuk Sabah dan Sarawak), sehingga bulan Mei 2018 apabila Kerajaan Barisan Nasional digantikan dengan Kerajaan Pakatan Harapan di peringkat Persekutuan, gaji minimum hanya dinaikkan sekali sahaja, iaitu pada 1 Julai 2016. Pelarasan untuk gaji minimum pada kali pertama telah tertangguh selama setahun setengah,



Jika Kerajaan Pakatan Harapan tidak lagi menangguhkan pelarasan gaji minimum pada masa akan datang, maka akan adanya dua kali lagi pelarasan gaji minimum sebelum pilihanraya akan datang, iaitu pada 1 Januari 2021 dan 1 Januari 2023.

Akan tetapi, jika Kerajaan Pakatan Harapan menunaikan sepenuhnya janji menaikkan gaji minimum kepada RM1,500 sebulan dalam penggal pertama pentadbirannya pun, persoalannya adalah adakah RM1,500 sebulan sepadan dengan kos sara hidup pada 5 tahun akan datang? Mungkin RM1,500 sebulan mencukupi sekiranya tiada inflasi untuk 5 tahun akan datang, tetapi semua orang tahu ini adalah sesuatu yang tidak berkemungkinan.

manakala pelarasan gaji minimum pada kali kedua yang terbaru ini pula telah tertangguh selama 6 bulan. Bolehkah Kerajaan Pakatan Harapan mengatasi masalah ini dan tidak tangguhkan lagi kajian semula dan pelarasan gaji minimum pada masa yang akan datang?

## Cadangan daripada Majlis Perundingan Gaji Negara

Dalam satu mesyuarat yang diadakan oleh Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) pada 17 Julai 2018, MPGN telah mencadangkan gaji minimum RM 1,250 sebulan untuk Semenanjung Malaysia, dan jika gaji perlu diseragamkan untuk seluruh negara, maka gaji minimum ditetapkan pada kadar RM 1,170 sebulan. Persekutuan Majikan-majikan Malaysia (MEF) yang mewakili pihak majikan pula mencadangkan kenaikan RM50, iaitu menjadikan gaji minimum RM1,050 sebulan. MEF sejak dahulu lagi telah membantah pelaksanaan gaji minimum dan sentiasa menentang apa-apa kenaikan gaji minimum. Cadangan awal Kerajaan untuk menaikkan gaji minimum kepada RM1,050 sebulan amat jelas bahawa Kerajaan telah tunduk sepenuhnya kepada kehendak golongan majikan pada masa itu. Jika bukannya bantahan

daripada kumpulan-kumpulan seperti Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Parti Sosialis Malaysia (PSM) dan juga masyarakat sivil, Kerajaan tidak mungkin menaikkan lagi RM50 untuk meredakan kemarahan golongan pekerja.

Jawatankuasa Teknikal Perundingan Gaji yang ditubuhkan di bawah Majlis Perundingan Gaji Negara, sebenarnya menggunakan satu formula untuk pengiraan gaji minimum seperti di bawah.

Pendapatan garis kemiskinan (PGK) yang digunakan oleh Kerajaan Malaysia untuk pengiraan dalam formula ini adalah sangat rendah dan tidak menggambarkan kemiskinan sebenar dalam masyarakat kita pada masa kini.

Dengan menggunakan PGK sedemikian yang ditetapkan oleh kerajaan, pelarasan gaji minimum akan menggunakan pengiraan seperti Jadual 1:

Nota	Semenanjung Malaysia	Sabah	Sarawak
a Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)(RM)	980	1,180	1,020
b Purata pekerja dalam isi rumah	1.2	1.2	1.2
c Gaji Median (RM)	1,703	1,240	1,350
d Pertumbuhan Produktiviti Buruh (P %)	3.5%	3.5%	3.5%
e Indeks Harga Pengguna (CPI %)	4.5%	3.6%	3.5%
<b>GAJI MINIMUM (RM)</b>	<b>1,368</b>	<b>1,175</b>	<b>1,185</b>

Sumber data:

- a. Statistik Pekerjaan dan Perburuhan 2017, Kementerian Sumber Manusia
- b. Laporan Penyiasatan Gaji & Upah 2016, DOSM
- c. Productivity Report 2016/2017, MPC
- d. Consumer Price Index , October 2017, DOSM
- e. Labour Force Survey Report 2016, DOSM

Kadar gaji minimum RM1,368 sebulan untuk Semenanjung Malaysia, RM1,175 untuk Sabah dan RM 1,185 untuk Sarawak, walaupun agak rendah, tetapi secara relatifnya masih lebih tinggi daripada gaji minimum RM1,100 sebulan yang akan dilaksanakan mulai 1 Januari 2019. Angka ini juga lebih tinggi daripada cadangan RM 1,170 sebulan daripada Majlis Perundingan Gaji Negara.

Jangan lupa, pengiraan ini adalah untuk gaji minimum yang sepatutnya pada tahun 2017, kadar gaji minimum terbaru RM1,100 sebulan hanya mula berkuatkuasa pada 1 Januari 2019.

Sememangnya angka untuk gaji median dan indeks harga pengguna sudahpun meningkat dalam dua tahun ini.

PSM tidak bersetuju dengan cara pengiraan berdasarkan PGK mutlak yang digunakan oleh Kerajaan Persekutuan pada masa kini. Cara pengiraan yang dicadangkan oleh PSM untuk menentukan gaji minimum adalah dengan menggunakan kadar kemiskinan relatif, iaitu 60% daripada pendapatan median isi rumah bulanan.

(sambung di m/s 5)

KRITERIA ASAS

$$GM = \frac{PGK}{PRT} \left( \frac{P}{PURATA PEKERJA SETIAP ISI RUMAH} + \frac{GAIJI PENENGAH}{} \right) \times \left[ 1 + \left( \frac{P}{100} \right) + \left( \frac{CPI}{100} \right) + \left( \frac{UE}{100} \right) \right]$$

di mana

GM = Gaji minimum (RM)

PGK = Pendapatan garis kemiskinan (RM)

P = Pertumbuhan produktiviti (%)

CPI = Indeks Harga Pengguna (perubahan %)

UE = Kadar pengangguran (%): kadar pengangguran benar tolak kadar pengangguran semula jadi (4%)

i = Wilayah

(sambung dari m/s 4)

## Tuntutan untuk gaji minimum yang mampu sara hidup

Jika kita menggunakan formula pengiraan gaji minimum yang dinyatakan di atas, dengan pendapatan garis kemiskinan (PGK) relatif, iaitu 60% daripada pendapatan median isi rumah bulanan, kita akan mendapat hasil pengiraan yang amat berbeza tetapi memberi gambaran yang lebih tepat tentang kadar gaji minimum yang sewajar dan sepatutnya.

Dengan menggunakan angka pendapatan median isi rumah bagi sebulan di Semenanjung Malaysia pada tahun 2016, iaitu RM 5,228 sebulan, maka 60% daripadanya adalah RM 3,136 dan diambilkira sebagai PGK relatif.

Pengiraan gaji minimum dengan menggunakan PGK relatif adalah seperti jadual 2.

Jadual 2				
Nota	Semenanjung Malaysia	Sabah	Sarawak	
a	PGK Relatif (RM)	3,136	2,466	2,497
	Purata pekerja dalam isi rumah	1.2	1.2	1.2
b	Gaji Median (RM)	1,200	1,200	1,200
	Pertumbuhan Produktiviti Buruh (P %)	3.5%	3.5%	3.5%
	Indeks Harga Pengguna (CPI %)	4.5%	3.6%	3.5%
	Kadar Pengangguran (UE %)	3.40%	5.40%	3.30%
	<b>GAJI MINIMUM (RM)</b>	<b>2,071</b>	<b>1,720</b>	<b>1,767</b>

Nota:  
a. Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Relatif adalah 60% daripada Pendapatan Median Isi Rumah Bulanan, seperti digunakan oleh OECD dan negara-negara berpendapatan tinggi yang lain.  
b. Gaji median RM 1,200 dianggarkan berdasarkan gaji pekerja asas dan pekerja jualan & perkhidmatan sebagai wakil untuk isi rumah B40.

Jika menggunakan pengiraan gaji minimum mengikut PGK relatif, kadar gaji minimum ialah RM 2,071 di Semenanjung Malaysia, RM 1,720 di Sabah dan RM 1,767 di Sarawak.

RM1,100 dibandingkan dengan RM2,071, bezanya RM971. Ini bermakna pekerja bawahan di Malaysia menerima gaji minimum yang kurang sebanyak RM971 daripada yang sewajarnya, walaupun gaji minimum telah dinaikkan!

PSM menuntut pelaksanaan gaji minimum RM1,500 sebulan sekarang juga dalam manifesto pilihanrayanya pada PRU-14 yang lepas. Jika banding dengan angka yang sepatutnya, tuntutan gaji minimum RM1,500 sebulan ini nampaknya bukan sesuatu yang berketerlaluan, malah masih dianggap rendah. MTUC pula menuntut kadar gaji minimum yang lebih tinggi, iaitu RM 1,800 sebulan. Dengan menyertai Gabungan Bantah RM1050 sebelum ini yang membantah kenaikan gaji minimum yang begitu sedikit, PSM juga bersetuju dengan tuntutan gaji minimum RM1,800 sebulan.

## Takut pelabur lari ke negara lain?

Salah satu hujah atau alasan yang diberikan oleh Kerajaan untuk tidak menaikkan gaji minimum ke paras yang lebih tinggi, adalah pelabur akan memindahkan pelaburan ke negara lain yang mempunyai kadar gaji yang lebih rendah.

Memang kadar gaji yang lebih tinggi untuk pekerja di Malaysia, akan mewujudkan keadaan yang merugikan untuk negara kita dalam "persaingan" dengan negara lain dalam mendapatkan pelaburan. Namun, walaupun mendapatkan pelaburan itu dapat mengembangkan ekonomi dan meningkatkan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), tetapi pertumbuhan pelaburan dan peningkatan angka KDNK itu tidak bermakna untuk rakyat biasa sekiranya gaji sebenar pekerja tidak meningkat sejajar dengan pertumbuhan ekonomi. Sampai bila pekerja-pekerja yang menyumbangkan begitu banyak tenaga kepada pembangunan ekonomi akan terus dipinggirkan dengan gaji rendah?

Jika ancaman pengaliran keluar pelaburan akibat daripada kenaikan gaji minimum itu sesuatu yang terbukti benar (padahal dalam kebanyakan keadaan, hanyalah sekadar ugutan daripada pihak majikan kerana enggan menaikkan gaji yang dianggap akan mengurangkan keuntungan

mereka), kerajaan bukannya tidak dapat melakukan apa-apa.

Jika Kerajaan Malaysia betul-betul mahu meningkatkan imej dan kewibawaannya di peringkat antarabangsa, maka adalah patut untuk Kerajaan Malaysia mengambil kepimpinan dalam kerjasama serantau dengan mengemukakan mekanisme penetapan gaji minimum serantau, sekurang-kurangnya untuk rantau Asia Tenggara melalui struktur ASEAN.

Sebagai anggota dalam ASEAN dan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA), Kerajaan Malaysia boleh mengambil inisiatif untuk mewujudkan mekanisme serantau berkenaan dengan gaji minimum seperti mengenakan peraturan supaya semua negara ASEAN perlu meningkatkan gaji minimum untuk 10% setiap tahun secara serentak. Ini akan menyekat para pelabur daripada menggunakan kenaikan gaji minimum sebagai alasan untuk memindahkan pelaburannya, walaupun kadar gaji minimum di negara ASEAN masing-masing adalah berbeza mengikut taraf hidup masyarakat setempat. Sekiranya ada negara yang enggan menaikkan kadar gaji minimum seperti negara yang lain, maka negara berkenaan akan dikenakan denda dari segi kenaikan kadar tarif ke atas barang yang diekportnya kepada negara ASEAN yang lain.

## Jika gaji minimum dikekalkan rendah, mana dia gaji sosial?

Dalam masyarakat moden, upah atau gaji pekerja boleh dibahagikan kepada dua bahagian, salah satu ialah gaji yang dibayar dalam bentuk matawang secara terus oleh majikan sebagai "ganjaran" untuk sumbangan tenaga daripada pekerja berkenaan; sementara satu bahagian lagi dikenali sebagai "gaji sosial", iaitu gaji yang tidak dibayar secara terus kepada pekerja tetapi diberikan dalam bentuk perkhidmatan sosial atau kebajikan sosial (seperti kesihatan, pendidikan, perumahan awam, pengangkutan awam, pencen warga emas, bantuan pengangguran dan sebagainya). Gaji sosial dibayar oleh majikan secara tidak langsung kepada masyarakat umum melalui sistem percukaian progresif. Percukaian progresif memastikan sebahagian keuntungan yang diperoleh daripada golongan majikan hasil daripada sumbangan tenaga pekerja dapat disalurkan semula kepada masyarakat, supaya kekayaan masyarakat dapat diaghik dengan lebih adil dan tidak mewujudkan jurang pendapatan yang semakin melebar. Sememangnya dalam sebuah masyarakat yang lebih bersifat

sosialis, bahagian gaji sosialnya adalah semakin besar berbanding gaji secara langsung.

Oleh yang demikian, sekiranya kerajaan tidak menaikkan gaji minimum ke suatu tahap yang bersesuaian dengan jaminan kehidupan yang bermaruah untuk pekerja, maka kerajaan perlu mengambil langkah untuk meningkatkan gaji sosial bagi rakyat jelata. Sekiranya gaji sosial yang disalurkan kepada rakyat biasa termasuk pekerja itu adalah mencukupi, misalnya kesihatan awam yang berkualiti dan percuma, perumahan sosial yang mampu diduduki (dengan sewa rendah ataupun harga jualan yang mampu dibayar tanpa membebankan rakyat), pengangkutan awam dengan tambang amat rendah ataupun percuma, jaminan bayaran pencen warga emas yang mencukupi untuk menjalani kehidupan harian, dan sebagainya, maka gaji yang diperoleh seseorang pekerja itu sebenarnya tidak perlu terlalu tinggi, dan kehidupan rakyat biasa juga tidak akan terjejas walaupun gaji yang diperolehnya adalah rendah.

## Tangani masalah gaji rendah, menuju ke arah masyarakat berpendapatan tinggi yang sebenar

Menteri Sumber Manusia M. Kula Segaran sendiri mengaku bahawa anak muda kita tidak mahu bekerja di sektor 3D (*dirty, difficult, dangerous* – kotor, susah, bahaya) kerana gaji yang ditawarkan untuk pekerja di sektor tersebut amat rendah. Kerja yang sama, tetapi kadar bayaran gaji begitu berbeza, antara negara Malaysia dengan negara-negara seperti Singapura, Australia dan Amerika Syarikat. Keadaaan ini wujud kerana ketidakseimbangan kuasa dalam sistem ekonomi global yang didominasi oleh korporat besar yang hanya mementingkan keuntungan mereka. Ini adalah manifestasi imperialism baru dalam abad ke-21, di mana jurang pendapatan diwujudkan bukan sahaja dalam sesebuah negara tetapi antara negara untuk membolehkan korporat multi-nasional terus mengaut keuntungan lumayan daripada ketidaksamarataan ini. Jika kerajaan gagal memahami masalah pokok ini, maka ia akan sentiasa terikut-ikut dengan kehendak kuasa korporat dengan merendahkan gaji pekerja atas nama "persaingan".

Di premis-premis kerajaan hari ini seperti sekolah awam, pekerja-pekerja pembersihan yang diupah oleh kontraktor swasta hanya

menerima gaji minimum, betul-betul RM1,000 sebulan sahaja. Adakah kerajaan menganggap pekerjaan sebegini tidak mempunyai nilai penting dan patut dibayar dengan gaji yang begitu rendah sehingga menjatuhkan maruah pekerja? Jika pekerja-pekerja yang bekerja di premis kerajaan pun dibayar begitu rendah, apakah lagi dengan pekerja-pekerja yang bekerja di sektor swasta yang disumberkan luar (*outsourced*) kepada kontraktor? Kita memang perlu ubah sistem pekerjaan yang ada sekarang untuk memastikan jaminan pendapatan pekerja yang bermaruah.

Kerajaan sama ada yang sebelum ini ataupun sekarang, mahu menjadikan negara Malaysia sebuah negara yang berpendapatan tinggi. Namun, apakah maknanya untuk negara berpendapatan tinggi jika masih terdapat ramai rakyat pekerja yang terpaksa menanggung beban kehidupan yang berat akibat daripada gaji rendah? Hanya sekadar pertumbuhan KDNK, tidak akan mendatangkan kesejahteraan kepada rakyat biasa. Kita perlukan pengagihan semula kekayaan negara yang dihasilkan oleh golongan pekerja dengan lebih adil dan saksama. Cara untuk mengagihkan kekayaan negara dengan lebih adil adalah sama ada meningkatkan gaji minimum ke tahap mampu sara hidup secara bermaruah, ataupun meningkatkan gaji sosial kepada rakyat jelata melalui kadar cukai progresif yang lebih tinggi.

(sambung di m/s 6)



# Adakah kenaikan gaji minimum akan menjaskan ekonomi?

Jika gaji minimum dinaikkan terlalu tinggi, kos untuk membuat bisnes akan naik, harga barang akan naik, inflasi akan naik, kilang akan tutup, pekerja akan hilang kerja dan pengangguran akan meningkat... Ini adalah antara alasan yang sentiasa kita dengar apabila kita menuntut kenaikan gaji minimum. Namun, alasan-alasan yang diberikan oleh golongan yang pro-majikan ini boleh dicabar dan terbukti bahawa hanya dalih untuk majikan kekalkan gaji pekerja pada paras yang rendah.

## Gaji minimum di Malaysia sudah lama tertangguh

Dasar gaji minimum hanya mula dilaksanakan di Malaysia pada 1 Januari 2013, selepas hampir dua dekad perjuangan menuntut gaji minimum yang dilakukan oleh pelbagai kumpulan pekerja seperti Jaringan Rakyat Tertindas (JERIT), Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Parti Sosialis Malaysia (PSM) dan organisasi-organisasi lain.

Kerajaan pada awalnya enggan melaksanakan dasar gaji minimum dengan alasan ia akan memusnahkan daya saing Malaysia sebagai negara perindustrian. Sepanjang zaman Mahathir Mohamad menjadi Perdana Menteri untuk kali pertama

(sambung dari m/s 5)

Selain itu, memperkasakan kesatuan sekerja dengan meminda undang-undang sedia ada supaya kesatuan sekerja dapat diiktiraf dengan lebih mudah (misalnya pengiktirafan secara automatik untuk kesatuan sekerja supaya dapat terus menjalankan rundingan kolektif), kesatuan mempunyai lebih kebebasan untuk mengadakan tindakan industri dan sebagainya, juga akan dapat membantu dalam meningkatkan pendapatan pekerja. Gaji minimum pekerja dapat dinaikkan ke tahap lebih tinggi, di samping jaminan kenaikan gaji tahunan, boleh disertakan dalam perjanjian kolektif yang dibuat antara kesatuan sekerja dengan majikan. Kesatuan sekerja juga akan dapat melakukan aksi bantahan seperti piket dan mogok dengan lebih mudah, sekiranya majikan enggan menaikkan gaji ke tahap yang sewajarnya.

Semua pekerja layak menerima gaji yang mampu sara hidup secara bermaruah. Kita perlu tegas dalam menolak dasar yang mengekalkan gaji pekerja pada paras rendah yang menghina pekerja. ##

(1981-2003), Kerajaan Malaysia mengamalkan dasar buruh murah untuk menarik pelaburan asing. Pengambilan masuk pekerja migran yang lebih mudah ditekan dan ditindas dari negara jiran, menekankan lagi gaji pekerja di Malaysia ke tahap yang amat rendah. Gaji yang terlalu rendah telah menimbulkan pelbagai masalah kepada pekerja dan akhirnya Kerajaan terpaksa menerima hakikat bahawa negara kita perlukan dasar gaji minimum. Namun, pelaksanaan gaji minimum sudah pun tertangguh lama dan kadarnya amat rendah apabila mula dilaksanakan.

Selepas pelaksanaan gaji minimum, kadar gaji minimum pada mula-mulanya ditetapkan pada paras RM 900 sebulan bagi Semenanjung Malaysia, dan RM 800 sebulan bagi Sabah dan Sarawak. Gaji minimum kemudian dinaikkan kepada RM 1,000 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dan RM 920 sebulan bagi Sabah dan Sarawak, mulai 1 Julai 2016. Pengumuman terbaru daripada Kerajaan adalah gaji minimum untuk seluruh Malaysia akan diselaraskan pada kadar yang sama dan dinaikkan kepada RM 1,100 sebulan (pada asalnya RM 1,050 tetapi dinaikkan RM 50 lagi selepas pekerja berproses) mulai 1 Januari 2019. Ini bermakna gaji minimum hanya naik sebanyak RM 100 untuk Semenanjung Malaysia selepas 2 tahun setengah.

## Kadar gaji minimum masih tidak cukup untuk sara hidup

Gaji minimum ialah upah yang paling rendah boleh dibayar oleh seseorang majikan kepada pekerjanya di sisi undang-undang. Gaji minimum merupakan jaminan pendapatan yang minimum untuk seorang pekerja. Namun, apabila kadar gaji minimum ditetapkan di bawah paras pendapatan yang mampu sara hidup, golongan pekerja masih terperangkap dalam kemiskinan.

Gaji minimum di Malaysia masih berada di tahap yang amat rendah dan tidak mampu untuk menanggung kos hidup pekerja. Ramai pekerja yang diupah dengan gaji minimum terpaksa bekerja lebih masa (OT) atau bekerja sampingan untuk memperoleh pendapatan yang mampu sara hidup.

Jika Kerajaan menetapkan gaji minimum pada kadar yang hanya dipersetujui oleh majikan tanpa mengambilkira sama ada kadar tersebut sesuai untuk menyara hidup pekerja atau tidak, gaji minimum sebegini tidak akan menjamin kehidupan bermaruah untuk pekerja. Kita perlukan gaji minimum yang mampu sara hidup, supaya semua pekerja



dapat hidup dengan bermaruah, dan mengembangkan potensi tenaga kerjanya untuk kemajuan masyarakat.

PSM telah menuntut supaya gaji minimum dinaikkan ke RM 1,500 sebulan apabila gaji minimum sepatutnya dikaji semula pada tahun 2015. MTUC juga mengemukakan cadangan gaji minimum RM 1,800 sebulan baru-baru ini. Pakatan Harapan pula berjanji bahawa akan melaksanakan gaji minimum RM 1,500 sebulan secara berperingkat dalam tempoh 5 tahun, namun adakah RM 1,500 sebulan selepas 5 tahun mencukupi untuk seorang pekerja bawahan menampung kehidupannya?

## Gaji dan produktiviti

Mungkin kita selalu akan dengar satu hujah bahawa pekerja perlu meningkatkan produktiviti terlebih dahulu sebelum menuntut kenaikan gaji minimum. Perdana Menteri Mahathir Mohamad sejak dahulu lagi secara konsistennya mengatakan bahawa pendapatan yang diterima oleh pekerja perlu selaras dengan produktivitinya. Namun, adakah produktiviti pekerja di Malaysia begitu rendah sehingga perlu menerima gaji yang tidak cukup untuk menyara hidup?

Kerajaan Malaysia yang berjinak-jinak dengan pelabur asing dan sistem ekonomi global yang didominasi oleh dasar neo-liberal, terlalu terikut-ikut dengan cara pengiraan produktiviti pekerja yang dibawa oleh kapitalis antarabangsa.

Jika kita ambil contoh pengeluaran cip elektronik di Malaysia dan Amerika Syarikat, harga jualan cip elektronik yang dikeluarkan di Bayan Lepas adalah lebih kurang satu per lima daripada harga jualan cip yang serupa tetapi dikeluarkan di California. Berasaskan formula yang ada sekarang, "produktiviti" pekerja California adalah 5 kali ganda lebih tinggi berbanding pekerja Malaysia, untuk produk yang sama, dan jumlah output yang sama! Kedudukan oligopolistik syarikat gergasi multinasional

(MNC) membolehkan mereka menekan harga barang yang disubkontrak keluar oleh mereka kepada negara kita dan negara-negara dunia ketiga yang lain. "Produktiviti" di negara-negara sedang membangun seperti Malaysia dikatakan rendah, bukannya pekerja kita bekerja tidak kuat, tetapi bayaran upah untuk kerja yang dilakukan telah ditekan pada kadar yang rendah secara sengaja.

Jadi, masalah pokoknya bukan produktiviti, tetapi terlalu banyak kekuasaan pasaran yang tertumpu dalam tangan MNC terbesar di dunia. Produktiviti pekerja Malaysia masih dianggap rendah, bukan sebabnya pekerja Malaysia "malas", "tidak mahir" atau "tidak pandai", tetapi disebabkan sistem ekonomi neo-liberal yang sentiasa menekan gaji pekerja dan Kerajaan Malaysia tidak mempunyai kesungguhan politik untuk mencabar ketidakadilan ekonomi yang wujud ini.

Negara Malaysia telah mengalami pembangunan sosial yang signifikan sejak kemerdekaan, sehingga melahirkan ramai tenaga kerja yang berpendidikan dan berkemahiran. Memang pekerja yang semakin mahir dan berpengalaman patut dibayar dengan gaji yang lebih tinggi berbanding pekerja yang kurang mahir atau kurang pengalaman. Namun, apabila kita menetapkan gaji minimum, iaitu bayaran upah yang terendah untuk pekerja, pertimbangannya bukan berapa tinggi tahap produktiviti seseorang, tetapi berapakah pendapatan asas yang mencukupi untuk seseorang itu menjalani hidup yang sejahtera. Sekiranya seseorang itu tidak dapat menjalani hidupnya dengan lancar dan sejahtera, produktivitinya turut akan terjejas.

Seorang yang tidak cukup makan, tidak mungkin ada cukup tenaga untuk meningkatkan produktivitinya. Jika seorang majikan enggan membayar gaji minimum yang mampu sara hidup kepada pekerjanya, bagaimana dia boleh mengharapkan pekerjanya untuk meningkatkan produktivitinya?

(sambung di m/s 7)

(sambung dari m/s 6)

## Peningkatan pendapatan pekerja dan pertumbuhan ekonomi

Peningkatan gaji pekerja memang akan meningkatkan kos pengeluaran, dan mengurangkan keuntungan majikan sekiranya masih menjual barang dengan harga yang sama. Namun, kita perlu ingat sesuatu perkara yang paling asas: jika barang yang dikeluarkan tidak jual, maka apa keuntungan pun tidak akan dapat!

Meningkatkan gaji minimum, bermakna kuasa beli pekerja juga akan meningkat. Apabila kuasa beli majoriti rakyat meningkat, barang yang dikeluarkan pengilang turut akan dapat dijual dengan lebih banyak. Keuntungan yang

diperoleh pengilang dan pengedar hasil daripada jualan yang banyak akan mendatangkan keuntungan yang bertambah, walaupun harga barangannya tidak dinaikkan.

Sekiranya majikan membayar gaji minimum begitu rendah sehingga pekerjanya tidak mampu membeli barang yang dikeluarkan oleh kilangnya, bagaimana dia dapat mengaut lebih keutungan dan memperkembangkan bisnesnya? Pasaran akan terus mengecut dan peniaga-peniaga tidak akan meneruskan bisnes mereka, sekiranya gaji pekerja masih ditekan pada paras yang rendah.

Oleh itu, peningkatan gaji minimum pekerja sebenarnya dapat membantu dalam menambahkan bisnes dan memacu pertumbuhan ekonomi yang lebih mampar.

Kenaikan gaji minimum pekerja, sekiranya pendapatan berlebihan itu tidak dihabiskan dalam pembayaran hutang (seperti hutang pinjaman perumahan), wang dalam tangan pekerja yang boleh dibelanjakan akan bertambah, maka menambahkan lagi peluang bisnes perniagaan kecil dan sederhana di kawasan setempat

(seperti penjaja, kedai runcit, restoran, pawagam, kedai kopitiam dan sebagainya).

Pertambahan peluang bisnes untuk perniagaan hasil daripada peningkatan kuasa beli pekerja kerana kenaikan gaji minimum, turut akan menjana lebih banyak lagi peluang pekerjaan untuk mereka yang memerlukan kerja. Jadi, peningkatan gaji minimum bukan sahaja tidak akan meningkatkan pengangguran, sebaliknya akan mengurangkan kadar pengangguran. Kilang (khususnya yang mengeluarkan barang untuk pasaran tempatan) tidak akan tutup kerana gaji pekerja dinaikkan, sebaliknya akan dapat menjual lebih banyak barang keluarannya.

Ekonomi negara kita juga akan menjadi lebih berdikari, tanpa bergantung pada pasaran luar yang tidak menentu kestabilannya (kerana krisis ekonomi akan melanda selang beberapa tahun), jika pekerja dalam negara kita memperoleh gaji yang mencukupi untuk menyara hidup di samping mengembangkan pasaran dalam negara.

## Kurangkan beban hidup, tingkatkan mutu hidup

Peningkatan gaji minimum ke paras yang mampu sara hidup, akan mengurangkan tekanan kewangan pekerja. Pekerja juga tidak perlu melakukan kerja lebih masa jika gaji asasnya mencukupi untuk hidup secara sederhana, dan dia akan mempunyai lebih banyak masa serta ruang untuk meningkatkan kemahirannya melalui proses pendidikan yang berterusan. Dengan kemahiran yang meningkat hasil daripada proses pendidikan yang wujud kerana adanya lebih banyak masa lapang selepas kerja, pekerja berkenaan turut akan dapat peluang kerja dengan bayaran gaji yang lebih baik.

Dengan adanya kadar gaji minimum yang mampu sara hidup dan menjamin kehidupan yang bermaruah, rakyat biasa (khususnya anak muda) akan lebih cenderung untuk mencabar diri dalam dunia kerja dan menyumbangkan tenaga kerja kepada pembangunan masyarakat, berbanding dengan melibatkan diri dalam kegiatan maksiat untuk mencari wang dengan cara jalan pintas.

Mutu kehidupan pekerja dapat ditingkatkan dengan gaji yang lebih tinggi dan masa kerja yang lebih pendek. Peningkatan mutu kehidupan pekerja, termasuk pekerja bawahan, adalah syarat penting untuk kemajuan masyarakat kita. ##



**“Kuasa beli pekerja akan turut meningkat apabila gaji minimum dinaikkan. Para peniaga juga akan mendapat untung daripada kenaikan gaji pekerja.”**

Kesatuan Pekerja-pekerja Swasta Perkhidmatan Sokongan Di Hospital-hospital Kerajaan Semenanjung Malaysia telah diumumkan sebagai penerima Anugerah Hak Asasi Manusia SUARAM.

Upacara penyampaian Anugerah Hak Asasi Manusia SUARAM telah berlangsung pada 4 Disember lalu dalam satu sidang akbar khas yang diadakan di Kuala Lumpur. Suara Rakyat Malaysia (SUARAM), badan bukan kerajaan hak asasi manusia yang utama di negara kita, telah menyampaikan Anugerah Hak Asasi Manusia kepada kumpulan atau komuniti yang terlibat dalam perjuangan menegakkan hak asasi manusia di negara kita, sejak tahun 1999. Selain menyampaikan Anugerah Hak Asasi Manusia tahunan,

## Pekerja pembersihan hospital kerajaan dapat Anugerah Hak Asasi Manusia

SUARAM juga melancarkan Laporan Ringkasan Hak Asasi Manusia 2018.

Dua kumpulan telah diisyihar sebagai pemenang Anugerah Hak Asasi Manusia SUARAM pada tahun ini, iaitu Kesatuan Pekerja-pekerja Swasta Perkhidmatan Sokongan Di Hospital-hospital Kerajaan Semenanjung Malaysia dan Pasukan Guaman Noorfadilla.

Anugerah Hak Asasi Manusia SUARAM kepada Kesatuan Pekerja-pekerja Swasta Perkhidmatan Sokongan Di Hospital-hospital Kerajaan Semenanjung Malaysia ini merupakan satu penghormatan

pengiktirafan kepada usaha gigih ahli-ahli kesatuan ini untuk memperjuangkan hak kesatuan. Walaupun menghadapi pelbagai gangguan, ancaman dan halangan daripada pihak majikan, pekerja-pekerja perkhidmatan sokongan hospital yang diupah oleh kontraktor swasta, khususnya pekerja-pekerja pembersihan, telah berjaya mendapat undi majoriti untuk pengiktirafan kesatuan sekerja di hospital-hospital di empat buah negeri Utara Semenanjung (Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis) pada 30 Oktober 2018.

Pekerja-pekerja perkhidmatan sokongan di hospital kerajaan tidak mempunyai jaminan kerja di samping kebijakan pekerja sentiasa dihakim oleh sistem kontrak penyumberan luar. Mereka telah bertekad untuk menyertai kesatuan dan mendapatkan pengiktirafan kesatuan sekerja di sisi undang-undang demi melindungi hak mereka. Perjalanan untuk mendapatkan pengiktirafan kesatuan sekerja bagi pekerja-pekerja perkhidmatan sokongan di hospital kerajaan bukannya mudah, kerana ramai di kalangan ahli kesatuan yang aktif terpaksa berdepan dengan pelbagai halangan daripada pihak majikan. Namun, hasil daripada keberanian dan kegigihan pekerja-pekerja dalam memperjuangkan hak mereka, kesatuan sekerja ini akhirnya mendapat undi majoriti

untuk pengiktirafan.

Satu lagi pemenang Anugerah Hak Asasi Manusia SUARAM, Pasukan Guaman Noorfadilla, telah terlibat dalam kes Noorfadilla Ahmad Saikin, seorang guru sandaran yang ditarik tawaran kerja sementara pada tahun 2009 kerana didapati mengandung. Kes ini telah berlarutan sehingga 9 tahun, dan akhirnya Noorfadillah diberikan RM40,000 sebagai ganti rugi am dalam keputusan muktamad Mahkamah Persekutuan pada tahun 2018.

Antara pemenang Anugerah Hak Asasi Manusia SUARAM sebelum ini termasuklah penduduk Kampung Sungai Nipah (1999), Gerakan Reformasi (2000), Bekas Pekerja Ladang Braemer (2003), Bekas Pekerja Ladang Bukit Jelutong (2006), Gabungan Membantah Penswastaan Perkhidmatan Kesihatan (2007), Gerakan Mansuhkan ISA (2009), Jawatankuasa Bertindak Ladang Sungai Rinching (2010), BERSIH 2.0 (2011), Komuniti Murum dan Baram (2012), Jawatankuasa Penduduk Taman Permata Dengkil (2013), Jaringan Kampung Orang Asli Kelantan (2015) dan Gabungan Selamatkan Petani dan Penternak Perak (2015). ##



# Kerajaan perlu lindungi sistem kesihatan awam

Wakil daripada Parti Sosialis Malaysia (PSM) bersama dengan anggota-anggota Gabungan Membantah Penswastaan Perkhidmatan Kesihatan (GMPPK) telah bertemu dengan Menteri Kesihatan Dr. Dzulkefly Ahmad pada 15 November lalu untuk menyampaikan pandangan tentang masalah yang sedang dihadapi oleh sistem kesihatan awam di negara kita, termasuk penghijrahan doktor pakar dari sektor awam ke swasta, skim insurans kesihatan sosial yang bermasalah, penswastaan perkhidmatan kesihatan dan sebagainya.

PSM telah menyatakan dengan jelas pendiriannya bahawa Kerajaan perlu melindungi sistem kesihatan awam di negara kita, dan memulihkan aspek dalam sistem kesihatan awam yang telah dirosakkan oleh usaha penswastaan yang dilakukan selama ini.

Ringkasan pendirian PSM terhadap sistem kesihatan di Malaysia adalah seperti berikut:

1. Sistem Kesihatan Awam yang kita ada sekarang ini merupakan satu perkhidmatan yang **amat membantu rakyat** Malaysia dan memainkan peranan penting dalam mewujudkan masyarakat penyayang di negara ini. Sistem perkhidmatan awam ini harus dipelihara dan diperkuuhkan.

2. Namun, Sistem Kesihatan Awam kita sedang menghadapi dua masalah utama, iaitu **peruntukan kewangan yang tidak mencukupi** dan **kekurangan pakar perubatan**. Ini telah mewujudkan perkhidmatan perubatan dua-peringkat (2-tier system) di Malaysia. Rawatan untuk penyakit serius adalah kurang memuaskan di sektor awam. (Lihat contoh kes Raja a/l Rajagopal.)

## Contoh: Kes Raja a/l Rajagopal

Pesakit ini telah dirujuk ke Klinik Pakar Ortopedik Hospital Ipoh pada 15 Oktober 2018 dengan diagnosis *Cervical Cord Compression*. Ini adalah satu penyakit yang boleh menyebabkan kelumpuhan (*paralysis*) kedua belah kaki dan tangan (*quadriplegia*). Pakar Ortopedik di Hospital Ipoh telah meminta MRI untuk memastikan diagnosis. Tetapi tarikh yang diberi untuk MRI oleh Jabatan Radiologi Hospital Ipoh adalah 14 Disember 2018 (oleh sebab mesin rosak dan ada senarai menunggu yang panjang).

Pesakit telah dapat bantuan kawan-kawannya dan menjalani MRI di sebuah hospital swasta (bayaran RM850). MRI itu menunjukkan bahawa ada *disc prolapse* di C6-7 dengan *cervical myelopathy* (yang boleh membawa kepada *quadriplegia*). Pesakit ini telah membawa MRI ke Klinik Ortopedik pada 29 Oktober 2018 tetapi tidak dapat berjumpa dengan Pakar Ortopedik dan doktor lain telah memberinya ubat vitamin dan temujanji ke klinik ortopedik dalam satu bulan lagi. (Rawatan yang salah – pesakit ini memerlukan pembedahan “*decompression*” secepat mungkin.)

Dr. Jeyakumar Devaraj telah merujuk balik pesakit berkenaan ke Pakar Ortopedik pada 8 November 2018. Pakar di hospital kerajaan berkata bahawa harus menjalani pembedahan secepat mungkin tetapi pesakit kena cari RM 4000 untuk membeli plat yang diperlukan.

Jika pesakit ini telah dirawat di hospital swasta, kemungkinan besar pembedahan *decompression* dapat selesai dalam bulan Oktober juga. Dan itu yang membawa peluang terbaik untuk memulihkan keadaannya.



ditingkatkan dan persepsi rakyat terhadap hospital kerajaan dipulihkan. Jika penyatuhan dilaksanakan sebelum itu, langkah itu

mengambil kira hakikat bahawa isu Insurans Kesihatan Sosial telah pun dipertimbangkan oleh pegawai tertinggi Kementerian Kesihatan beberapa kali sebelum ini dan ditangguhkan pelaksanaannya. Mungkin mereka pun nampak isu-isu yang diketengahkan oleh PSM di atas.

7. PSM mencadangkan supaya **RM 2 billion** yang telah dibayar oleh Syarikat Great Eastern kepada Kementerian Kewangan untuk wujudkan skim insurans kesihatan itu digunakan untuk:

- Wujudkan dana khas untuk bayaran alatan dan benda-benda lain bagi pesakit daripada kumpulan B40. Ertinya, plat, skru dan benda alat ortopedik lain, kanta intraokular, *drug-eluting stents*, stapler pembedahan dan benda lain yang sekarang kena dibeli oleh pesakit di hospital kerajaan boleh dibayai dengan dana ini.

Beri semua keluarga dalam kumpulan B40 satu kad kesihatan yang boleh digunakan oleh mereka dalam 5 tahun yang akan datang untuk tujuan ini. Ini merupakan satu bantuan yang bermakna kepada kaum B40 dan ia tidak akan melemahkan sistem kesihatan awam.

- Dana RM 2 bilion ini nampaknya besar, tetapi jika dibahagikan antara 3 juta keluarga B40, hanya merupakan RM 700 sebuah keluarga!

• Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kena buat kiraan aktuari untuk menentukan had maksimum setiap keluarga untuk bantuan daripada skim ini kerana bukan semua daripada 3 juta keluarga B40 akan memerlukan pembedahan / rawatan yang memerlukan bayaran tambahan (*co-payment*) dalam 5 tahun yang akan datang.

- Sumbangan Great Eastern harus dipakai untuk membantu golongan B40 tanpa membawa kesan negatif kepada sistem kesihatan awam.

PSM terasa adanya **puak-puak berpengaruh** yang menganggap perkhidmatan kesihatan sebagai satu lagi komoditi yang boleh diperniagakan untuk mendapatkan matawang asing melalui Pelancongan Kesihatan. Puak-puak ini juga melihat perolehan matawang asing sebagai jauh lebih penting untuk negara berbanding usaha memperkuuhkan sistem kesihatan awam. PSM berharap Menteri Kesihatan boleh mengambil pendirian yang tegas untuk melindungi dan membaiki sistem kesihatan awam di negara kita.

PSM menghargai Sistem Kesihatan Awam yang wujud sekarang dan akan memberi kerjasama kepada semua dalam usaha untuk mempertahankan dan mempertingkatkan sistem kesihatan awam di negara kita. ##

mungkin akan menghancurkan sistem kesihatan awam. Ini amat membimbangkan kerana **rakyat luar bandar**, penduduk di negeri Pantai Timur, Sabah dan Sarawak akan menjadi mangsa jika sistem kesihatan awam dilemahkan lagi.

## 6. Skim Insurans Kesihatan Sosial

PSM sedar bahawa ada beberapa pihak yang mahu melaksanakan Skim Insurans Kesihatan Sosial kerana mereka percaya bahawa:

- Sistem kesihatan memerlukan sumber dana yang lebih besar;
- Insurans Kesihatan Sosial boleh membantu menyatukan sistem swasta dengan sistem kerajaan;
- Insurans Kesihatan Sosial boleh mengurangkan beban kewangan kerajaan.

PSM khuatir bahawa

Sistem Insurans Kesihatan Sosial akan membebankan rakyat B40 kerana akan mewujudkan satu lagi potongan wajib (*compulsory deduction*) terhadap gaji mereka sebesar 4-10%. Pada takat ini, kita sedang hadapi masalah dalam meningkatkan gaji minimum ke paras yang sempurna kerana wujudnya sekatan makro ekonomi (dasar bersaing dengan negara ASEAN yang lain untuk pasaran dan pelaburan asing FDI).

Sistem Insurans Kesihatan Sosial yang berkait rapat dengan mekanisme “bayar untuk perkhidmatan” (*fee-for-service*) akan meningkatkan kos rawatan pada keseluruhannya.

Beban kewangan Kerajaan juga mungkin akan meningkat kerana kena membayar untuk mereka dalam sektor bukan formal (seperti pesawah, pekebum getah dan kelapa sawit, nelayan, pekerja kontrak, OKU, warga emas, dan sebagainya), dan mungkin pekerja sektor formal yang bergaji rendah.

Sistem Insurans Kesihatan Sosial yang membenarkan pesakit pilih institusi perubatan swasta dan membawa dana ke institusi swasta yang dipilihnya ada potensi untuk menghancurkan hospital kerajaan.

Pada pandangan PSM, sistem Insurans Kesihatan Sosial hanya boleh dilaksanakan selepas sistem kesihatan awam dipulih dan dapat bersaing dengan hospital-hospital swasta. Menteri harus

# Skim Insurans Kesihatan

## *primum non nocere*

### paling utama sekali, jangan akibatkan kerosakan

oleh Dr. Jeyakumar Devaraj

Kenyataan-kenyataan daripada Menteri Kesihatan dan Timbalannya dalam 2 bulan kebelakangan ini berkaitan Insurans Kesihatan membuatkan ramai aktivis kesihatan berasa amat khawatir. Dalam keadaan butiran terperinci berkaitan Insurans Kesihatan yang dicadangkan ini belum lagi didedahkan oleh Kementerian Kesihatan, maklumat yang disaring melalui sumber-sumber yang sah memberi gambaran bahawa kerajaan sedang merancang untuk memperkenalkan polisi insurans untuk keluarga B40 yang melayakkan mereka untuk menerima rawatan bernilai RM10,000 setahun di hospital swasta. Terdapat 3 juta keluarga B40 sekarang. Sekiranya diandaikan satu perempat daripada mereka menggunakan insurans ini setiap tahun, jumlah bayaran akan mencecah RM7.5 bilion setahun ( $0.75 \text{ juta} \times \text{RM}10,000$ ).

Polisi sebegini mungkin agak popular, sekurang-kurangnya pada peringkat awalnya. Keluarga B40 akan berasa gembira kerana mempunyai pilihan untuk mendapatkan rawatan di hospital swasta tanpa perlu mencarum kepada skim ini. Hospital swasta akan lebih dari gembira! Mereka akan menggerakkan pasukan pemasaran mereka untuk mengiklankan rawatan mereka untuk menggalakkan keluarga B40 supaya menggunakan insurans mereka untuk penyaringan, siasatan dan rawatan yang sebenarnya tidak diperlukan oleh keluarga ini. Dan syarikat insurans akan turut teruja sekiranya mereka juga dapat sebahagian daripada faedahnya. Jadi, jika semua orang gembira, kenapa orang seperti saya tidak gembira dengan cadangan ini?

Ini adalah kerana kami melihatnya selari dengan apa yang berlaku pada hujung tahun 1980-an. Pada masa itu, Dr. Mahathir meliberalisasikan sistem penjagaan kesihatan dengan membenarkan pembinaan hospital swasta yang berasaskan keuntungan. Sebelum itu, hanya hospital swasta yang tidak berasaskan keuntungan dibenarkan wujud di Malaysia. Hujah yang digunakan oleh Dr. Mahathir pada masa itu adalah orang-orang kaya perlu digalakkan untuk membayar kos rawatan di hospital swasta dan dengan itu perbelanjaan kerajaan untuk penjagaan kesihatan dapat difokuskan kepada golongan miskin dalam masyarakat. Dr. Mahathir mengambil contoh kes-kes peniaga kaya yang datang ke hospital kerajaan menaiki kereta Mercedes mereka untuk mendapat rawatan yang sebahagian besarnya

disubsidi oleh kerajaan.

Pada masa itu, hujah Dr Mahathir nampaknya agak munasabah bagi ramai rakyat Malaysia. Hanya pada masa sekarang, baru kita dapat saksikan bagaimana dasar tersebut telah merosakkan sistem penjagaan kesihatan awam kita. Pada masa sekarang, hanya 10% daripada doktor pakar yang mempunyai pengalaman lebih dari 10 tahun kekal dalam perkhidmatan kerajaan. 90% daripada pakar yang berpengalaman berada dalam sektor swasta yang menawarkan perkhidmatan untuk 25% pesakit dalam negara ini. Ini meninggalkan 10% daripada pakar berpengalaman untuk menangani 75% pesakit yang dimasukkan ke hospital kerajaan. Jadi, adakah sesuatu yang mengejutkan apabila sukar untuk mendapatkan rawatan pakar di hospital kerajaan, atau berlakunya kesilapan kerana kurangnya pakar yang mencukupi untuk menyelia doktor yang lebih muda?

Sistem penjagaan kesihatan 2-tingkat kemudiannya telah berkembang di Malaysia, di mana 25% yang mampu bayar, menerima rawatan yang canggih dan pantas di hospital swasta (kadang kala mendapat lebih daripada apa yang diperlukan), sementara 75% yang bergantung pada hospital kerajaan menghadapi masalah kelewatan, senarai menunggu yang panjang, sukar untuk mendapat khidmat pakar kanan dalam perkhidmatan kerajaan dan risiko komplikasi yang serius akibat penjagaan yang tidak mencukupi. Ini adalah kesan secara langsung daripada perubahan dasar yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir.

Skim yang dicadangkan oleh Menteri Kesihatan dan Timbalannya akan memburukkan lagi sebahagian masalah yang dihadapi oleh sistem penjagaan kesihatan kerajaan. Peningkatan kepada permintaan untuk penjagaan kesihatan swasta sebanyak RM 7.5 bilion akan mempercepatkan lagi penghijrahan keluar doktor pakar dari hospital kerajaan. Ini akan mengakibatkan kualiti perkhidmatan di hospital kerajaan bertambah merosot, memburukkan lagi krisis keyakinan di hospital kerajaan, sehingga menyebabkan golongan B40 terpaksa membayar lebih untuk menambah nilai insurans yang telah dimulakan oleh kerajaan bagi pihak mereka. Ini adalah kerana nilai RM10,000 yang diberikan kepada mereka tidak lagi mencukupi untuk menanggung keperluan kesihatan keluarga jika dilanda masalah kesihatan yang serius.

Lama kelamaan, sistem penjagaan kesihatan awam tidak lagi diambil peduli dan rakyat Malaysia akan

dibebani dengan pembayaran insurans kesihatan yang tinggi. Dalam jangka sederhana, iaitu 10 hingga 15 tahun, skim insurans yang dicadangkan akan menjadi beban yang serius kepada ramai orang (golongan B40) yang akan menjadi penerima pemberian populis ini.

Masalah dengan cadangan insurans ini, seperti dasar liberalisasi yang diperkenalkan oleh Dr. Mahathir 30 tahun lepas, adalah ianya tidak mengambil kira sektor kesihatan secara holistik. Kedua-dua cadangan tidak mengakui bahawa perubahan dalam sektor swasta akan memberi kesan kepada sektor kesihatan awam dari berbagai sudut. Kita harus meneliti kesan yang mungkin wujud daripada perubahan sebegini dan mengelakkan daripada membuat keputusan yang boleh merosakkan sistem penjagaan kesihatan awam di negara kita. Inilah yang perlu diperhalusi oleh Menteri Kesihatan, kerana adalah menjadi mandat kepada beliau untuk memelihara serta menambahbaikkan sistem penjagaan kesihatan awam. Sepertimana pepatah Latin menyebut – *primum non nocere*, yang bermaksud “**yang paling utama, jangan mengakibatkan kerosakan**”.

Saya ingin merayu pada Menteri Kesihatan supaya memaklumkan perincian berkaitan polisi insurans yang sedang dicadang oleh Kementerian untuk diperkenalkan, dengan itu semua pihak yang terlibat dan juga individu lain boleh membahaskan dan juga memberi maklumbalas. Terus memasukkannya dalam Bajet 2019 tanpa membincangkannya bersama dengan “pihak yang berkepentingan” (stakeholders) akan merugikan rakyat Malaysia kerana isu ini akan dibahaskan dalam arena yang amat polarisasi dan boleh dicanang sebagai satu kemenangan untuk pembangkang sekiranya kerajaan tunduk dalam sesuatu isu, dan kerana itu, akan ditentang habis-habisan oleh ahli parliment pihak kerajaan. Ianya bukanlah satu tempat di mana satu titik perubahan dalam dasar penjagaan kesihatan dapat dibahaskan secara bebas dan terperinci.

PSM berpegang bahawa Sistem Kesihatan Awam Malaysia adalah amat penting dalam masyarakat kita. Kami merasakan bahawa tujuannya adalah murni, dan ianya adalah antara aspek kemanusiaan dan keprihatinan rakyat Malaysia. Oleh itu, ianya mestilah dilindungi dan diperkasakan. Antara cadangan kami untuk menambahbaikkan Sistem Kesihatan di Malaysia adalah seperti berikut:

- Menambah peruntukan kesihatan persekutuan sebanyak 15% setiap tahun sehingga mencapai 4% daripada KDNK. Sekarang, ianya hanya 2.1% daripada KDNK. (RM 26 bilion daripada KDNK berjumlah RM 1,273 bilion). Dalam sidang media pertama setelah dilantik, Menteri Kesihatan menyatakan bahawa beliau akan berusaha untuk meningkatkan belanjawan kesihatan ke 3.5% daripada KDNK (*The Star Online* 22/5/2018). Adalah sangat bagus sekiranya beliau dapat meneruskan apa yang dikatakannya ini.
- Mengisyiharkan moratorium terhadap penambahan hospital swasta. Hospital swasta yang sedia ada masih dibenarkan untuk beroperasi, namun mereka tidak boleh dibenarkan untuk meningkatkan kapasiti katil atau menambah cawangan baru. Jangan meluluskan mana-mana hospital swasta yang baru buat masa ini. Ini akan menyekat pengaliran keluar pakar-pakar dari hospital kerajaan.

- Membentuk satu Suruhanjaya Perkhidmatan berasingan untuk pekerja penjagaan kesihatan kerajaan dan mengambil skala gaji sepetimana digunakan oleh Institut Jantung Negara (IJN), supaya menjadikan perkhidmatan kerajaan lebih menarik untuk kakitangan kesihatan. Juga perlu memperimbangkan untuk memberikan cuti sabatical selama 3 bulan setiap 5 tahun perkhidmatan kerajaan supaya mereka boleh keluar negara dan mendapatkan kemahiran-kemahiran baru.

- Melakukan audit forensik terhadap bagaimana ubat-ubatan dan lain-lain bahan serta perkhidmatan diperolehi melalui pihak ketiga. Kebanyakan daripada kita merasakan bahawa sebahagian daripada bajet kesihatan ini telah diseleweng untuk kepentingan peribadi melalui kontrak-kontrak mega.

- Rakyat Malaysia yang mengambil berat tentang keadilan sosial dan ingin membentuk solidariti di kalangan rakyat seharusnya bergerak ke arah mengekalkan (dan memperkasakan) sistem kesihatan awam yang akan membekalkan perkhidmatan yang berkualiti untuk semua orang, tanpa mengira status sosio-ekonomi mereka dan setiap rakyat Malaysia tidak akan dipaksa untuk membeli perlindungan tambahan dalam bentuk insurans kesihatan peribadi. Mempertahankan sistem kesihatan awam kita adalah sesuatu yang bermakna untuk kita semua. ##

# Rumah mampu milik atau mampu mimpi?

oleh Sivarajan Arumugam

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin telah menyatakan bahawa nilai rumah yang tidak dijual dijangkakan bernilai sebanyak RM 22.5 billion! Kenapa wujudnya senario sedemikian apabila keperluan rumah masih ada di kalangan rakyat Malaysia? Jika masih ramai lagi rakyat dari golongan berpendapatan rendah B40 dan sederhana M40 yang belum lagi memiliki rumah, kenapa pula stok perumahan yang belum dijual masih tinggi?

Jawapan yang jelas adalah rumah yang dikategorikan sebagai "mampu milik" ini sebenarnya tidak mampu dimiliki oleh golongan rakyat majoriti. Kemampuan memiliki rumah biasanya dianggarkan dengan kiraan bahawa seseorang yang berpendapatan RM 2,000 hanya mampu memiliki rumah yang berharga 3 kali pendapatan tahunannya, iaitu RM  $2,000 \times 12 \times 3$ , bersamaan RM 72,000.

Maka, apakah rasionalnya menetapkan harga rumah mampu milik dalam lingkungan harga RM 250,000 sehingga RM 500,000? Mengikut satu kajian tentang pendapatan rakyat Malaysia, Ketua Perangkawan Malaysia Dr Mohd Uzir Mahidin pada awal tahun ini melaporkan bahawa nilai menengah (median) gaji atau upah bulanan pada tahun 2017 ialah RM 2,160, manakala purata gaji adalah RM 2,880. Jika dikira dengan purata gaji RM 2,880, harga rumah yang mampu ialah  $RM 2880 \times 12 \times 3$ , iaitu RM 103,680. Dilaporkan juga bahawa bilangan pekerja yang menerima gaji ini ialah seramai 8.6 juta, iaitu 57.3% daripada jumlah tenaga kerja seramai 15 juta orang di seluruh negara.

Jika kita mempertimbangkan pendapatan isi rumah pula dan bukannya pendapatan seseorang individu, adakah isi rumah sekarang mampu membeli rumah? Dalam Persidangan Perumahan 2018 yang diadakan pada 9 Oktober baru-baru ini, Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara N Jayaselan menyatakan bahawa pendapatan isi rumah median pada tahun 2016 ialah RM5,228

ataupun sebanyak RM 62,736 setahun. Jika dikumpulkan untuk tiga tahun, ianya hanya RM188,208, iaitu masih jauh daripada harga purata rumah kini yang mencecah RM 400,000.

Para pemaju perumahan pula akan berhujah bahawa, mereka tidak mungkin membina rumah dalam lingkungan harga RM70,000 - RM100,000 dengan alasan kenaikan harga bahan binaan, sewa jentera, kos pematuhan dan kos tanah.

Perumahan mampu milik ialah perumahan untuk rakyat. Ia tidak seharusnya dianalisis dengan kos pembinaan yang dipengaruhi oleh faktor-faktor pasaran. Pembinaan dan penyediaan rumah mampu milik merupakan suatu tanggungjawab Kerajaan yang harus disubsidi dan tidak terikat dengan faktor-faktor pasaran bebas.

Sebab itulah sejak 1980-an lagi Kerajaan pernah menjayakan penyediaan rumah mampu milik ini dengan kerjasama pihak swasta dengan menetapkan kuota bilangan rumah kos rendah yang harus dibina dalam sebuah pembangunan bercampur, di mana pemaju diwajibkan untuk membina 30% rumah kos rendah dalam projek pembangunan bercampurnya dan kos binaannya ditanggung secara "subsidi silang" (cross subsidy) dengan projek rumah mewah dan bangunan komersial yang akan dibangunkan di lokasi yang sama.

Malangnya, Kerajaan juga terikut-ikut untuk melonggarkan syarat ini, terpedaya dengan hujah pemaju yang tidak berminat membina rumah kos rendah di lokasi-lokasi permintaan tinggi (*prime areas*). Maka, para pemaju diberikan kelonggaran supaya menunaikan kewajipan mereka di lokasi lain yang jauh dan terpencil. Justeru, timbulnya masalah seperti stok perumahan yang dibina di lokasi-lokasi yang kurang popular ini tidak dapat dibeli oleh golongan B40

**"Pembinaan dan penyediaan rumah mampu milik merupakan tanggungjawab kerajaan yang harus disubsidi dan tidak patut terikat dengan faktor-faktor pasaran bebas."**



walaupun dijual dengan harga RM 42,000. Ini adalah kerana rakyat pekerja mencari rezeki mereka di kawasan bandar dan sekitarnya, maka adalah tidak rasional untuk mereka disuruh membeli rumah di lokasi yang jauh, seperti di Bukit Beruntung atau Rawang. Sudah tentu mereka tidak larat menampung kos pengangkutan, berulang alik di antara tempat kerja dan lokasi-lokasi tersebut.

Akibatnya, kini kawasan bandar dan pinggirannya menjadi kawasan eksklusif untuk pembangunan mewah yang mencecah harga jutaan ringgit. Rakyat Malaysia yang majoritinya kelas pekerja yang bergaji sekitar RM 2,000 sebulan seolah-olah diusir dari kawasan bandar. Mereka hanya mampu mimpi membeli rumah, dan terpaksa menyewa. Padahal mereka masih merupakan warga pekerja yang menyumbang sebagai tenaga kerja setiap hari di pelbagai sektor perkhidmatan dan pembuatan di bandar dan pinggirannya.

Setelah berjaya mempengaruhi Kerajaan agar mengencangkan mereka daripada membina rumah kos rendah dalam plot pembangunan bercampur, pemaju kini juga berjaya membuang istilah "rumah kos rendah" dari kamus Kerajaan. Ianya digantikan dengan istilah "Rumah Mampu Milik".

Walaupun istilah Rumah Mampu Milik sedap bunyinya, tetapi harga rumah yang ditetapkan antara RM 250,000 hingga RM 500,000, adalah suatu harga yang memang tidak dimampu dibeli oleh rakyat biasa.

Tambahan pula, rumah mampu milik dengan harga antara RM250,000 dan RM500,000 ini pun jarang dibina di bandar atau pinggirannya sekarang ini. Kenapa?

Para pemaju nampaknya tidak ingin memikul tanggungjawab untuk memastikan setiap rakyat Malaysia mempunyai rumah untuk berteduh. Apabila rumah itu sendiri menjadi sejenis komoditi yang juga diukur dalam kiraan KDNK negara, maka pemaju lebih berminat untuk meningkatkan keuntungan syarikat mereka. Harga rumah di pusat bandar kini melebihi RM 1 juta. Ianya ditetapkan melebihi RM 1 juta kerana prasyarat yang ditetapkan oleh Kerajaan bahawa warga asing hanya boleh membeli hartanah melebihi 1 juta. Kini, ramai warga dari China, Hong Kong, Singapura membeli rumah-rumah RM 1 juta ini, sebagai pelaburan, bukannya untuk mendiaminya. Warga asing yang kaya dengan kemudahan tunai yang banyak sanggup membeli beberapa unit dan menyewa semuanya kepada rakyat Malaysia yang tidak mampu membelinya.

Krisis perumahan ini tidak boleh ditangani dengan memaklumkan kepada golongan B40 bahawa mereka terpaksa menguburkan mimpi mereka untuk memiliki rumah dan menyewa rumah seumur hidup. Ada juga cadangan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT) yang memohon kepada bank untuk melonggarkan syarat pinjaman rumah, supaya lebih ramai boleh membeli rumah. Tetapi, jika isu pokok iaitu harga rumah tersebut tidak diselesaikan, maka beban hutang akibat pinjaman bank akan ditanggung seumur hidup oleh rakyat ataupun sehingga rumah itu dilelongkan kerana gagal membayar ansuran rumah.

(sambung di m/s 11)



(sambung dari m/s 10)

# Apakah penyelesaian untuk masalah perumahan kita?

Berikut ialah beberapa cadangan penting ke arah menyelesaikan masalah perumahan yang berterusan ini.

## 1. Perumahan mampu milik bukannya komoditi dan harus dikeluarkan dari pasaran

Ianya merupakan satu langkah yang sangat penting agar faktor-faktor harga pasaran barang binaan, penyewaan jentera dan harga tanah tidak menjadi penentu kepada harga perumahan mampu milik. Perumahan mampu milik perlu disubsidi. Pemberian subsidi bukanlah suatu yang negatif, kerana pihak pemodal dan peniaga juga diberikan subsidi tetapi dalam bentuk incentif.

Pengecualian cukai SST terhadap barang binaan asas dan perkhidmatan sewaan jentera mungkin akan mengurangkan kos. Dalam Belanjawan 2019, Menteri Kewangan mengumumkan perkara ini bahawa dengan pengecualian SST, maka para pemaju perumahan bersetuju memberikan pergorangan harga sebanyak 10%. Ini tidak cukup.

Tambahannya pula, semasa kita membeli rumah dari pemaju, suatu harga ditetapkan apabila perjanjian jual beli dibuat. Persoalannya adalah adakah harga itu harga terkini atau harga spekulasi dalam dua tahun ke hadapan? Ini adalah kerana jual beli rumah berlainan dengan jual beli barang lain, di mana pembeli hanya memperolehi "produk" atau rumah tersebut selepas 18 bulan atau 24 bulan. Pemaju juga akan memperolehi wang sepenuhnya selepas tempoh itu dari bank. Maka, secara rasional, pemaju menetapkan harga mengikut anggaran pasaran dalam masa dua tahun selepas Perjanjian Jual Beli dan bukannya harga terkini semasa perjanjian dan permohonan pinjaman bank.

## 2. Jawatankuasa Teknikal Khas Kos Rumah

Kami mencadangkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan harus menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk mengkaji secara mendalam kenapa kos rumah begitu tinggi. Pada masa apabila kerajaan begitu arif dalam mengkaji kos pembinaan ECRL, LRT3 dan MRT2, sehingga dapat mendesak para kontraktor untuk mengurangkan kosnya sebanyak beberapa bilion ringgit, kami rasa Kerajaan berkaliber untuk membuat perkara yang sama terhadap suatu keperluan asas rakyat – rumah. Dengan kajian teknikal ini, maka jawatankuasa dapat berhujah dan mengadakan rundingan dengan semua pemaju utama agar menyeleraskan kos rumah ke suatu tahap yang munasabah.

## 3. Tanah untuk Perumahan Mampu Milik

Baru-baru ini pun Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Zuraida Kamaruddin menyuarakan tentang kegagalan Kerajaan Negeri untuk menyediakan tanah yang mencukupi bagi membina rumah mampu milik untuk rakyat. Oleh kerana pentadbiran tanah menjadi

urusan penuh di bawah Kerajaan Negeri dalam sistem persekutuan yang kita amalkan, maka kerjasama Kerajaan Negeri amat penting untuk menjayakan perumahan mampu milik. Maka, kami mencadangkan suatu penelitian khas ke atas semua transaksi jual beli tanah kerajaan, sama ada tanah Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan.

Kami tidak bersetuju dengan cadangan Menteri Kewangan dalam Belanjawan 2019 untuk menjual tanah Kerajaan kepada pembida tertinggi bagi menjana dana kepada Kerajaan Persekutuan. Tindakan ini akan menyebabkan beberapa ribu ekar tanah Kerajaan di lokasi-lokasi strategik jatuh ke dalam tangan pihak swasta. Maka, pihak Kerajaan akan hanya tinggal tanah di lokasi kurang strategik dan terpencil. Jika tanah-tanah terpencil ini digunakan untuk membina rumah mampu milik, Kerajaan akan mengulangi kesilapan yang sama, di mana perumahan ini tidak sesuai dibeli oleh rakyat.

## 4. GLC menerajui Perumahan Mampu Milik

Ekonomi negara kita berbanding dengan negara lain memperlihatkan penglibatan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang amat signifikan, hampir 40% pegangan dalam Bursa Saham adalah daripada syarikat-syarikat GLC. Maka, kami bersetuju dengan kenyataan Menteri Ekonomi Azmin Ali bahawa bukanlah tugas Kerajaan untuk menglibatkan diri dalam dunia perniagaan dan mendominasi pasaran. Tetapi kebolehan dan kecekapan perniagaan GLC haruslah dipulangkan semula kepada rakyat. Maka GLC-GLC yang terlibat dalam pembangunan hartatanah sepatutnya fokus kepada penyediaan rumah mampu milik, dan bukannya bersaing dengan pihak swasta untuk membina rumah mewah yang melebihi RM500,000.

GLC-GLC seperti Sime Darby juga merupakan tuan tanah yang mempunyai simpanan tanah yang luas di seluruh negara, terutamanya tanah perladangan. GLC tidak diberikan apajua panduan oleh Kerajaan untuk memberikan fokus kepada penyediaan rumah mampu milik, maka kini GLC hanya bertindak sebagai sebuah pemaju swasta sepenuhnya yang membangunkan projek perumahan mengikut permintaan pasaran.

Cadangan yang sama harus juga dilaksanakan oleh semua GLC di bawah pegangan Kerajaan Negeri seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan sebagainya.

## 5. Harga Rumah Mampu Milik tidak melebihi RM100,000

Sepertimana yang dibincangkan di atas, kemampuan memiliki rumah biasanya dianggarkan dengan kiraan bahawa seseorang yang berpendapatan RM2,000 hanya mampu memiliki rumah yang berharga 3 kali pendapatan tahunannya, iaitu RM2000 x 12 x 3, bersamaan RM 72,000. Jika kita menggunakan statistik gaji purata tahun 2017 pula, iaitu RM2,880, harga rumah yang mampu ialah

RM2880 x 12 x 3, iaitu RM103,680. Justeru, kami mencadangkan harga rumah mampu milik haruslah tidak melebihi RM100,000 dan bukannya RM250,000-RM 300,000 yang diwar-warkan sekarang.

## 6. Kembalikan kuota pembinaan dalam pembangunan bercampur

Kuota pembinaan rumah mampu milik dalam semua pembangunan bercampur oleh pihak swasta harus dikembalikan agar Kerajaan dapat memenuhi keperluan rakyat. Dengan penyelarasian kos binaan (dengan kawalan harga barang binaan, pengecualian SST dan sebagainya) dan juga dengan prinsip "subsidi silang" (cross subsidizing) dengan projek mewah dalam tapak pembangunan yang sama, bilangan rumah mampu milik di lokasi-lokasi strategik dipercaya akan bertambah.

## 7. Perumahan Mampu Milik berorientasikan transit

Perancangan bandar yang berjaya adalah apabila perumahan rakyat dihubungkan dengan sistem transit yang teratur supaya trafik keluar masuk bandar dan pusat komersial dikurangkan. Maka adalah penting untuk kesilapan yang berlaku dalam pembinaan MRT tidak diulangi. Centre for Governance and Political Studies (Cent-GPS) dalam kajian mereka membongkarkan bahawa kebanyakan perumahan sekitar lingkungan jarak 1 kilometer dari ses sebuah stesen MRT adalah jauh daripada kemampuan rakyat biasa. Contoh yang paling ketara ialah perumahan sekitar stesen Pusat Bandar Damansara di mana harga rumah boleh mencecah RM4 juta.

Jadi, adalah amat penting untuk projek LRT3 dan juga MRT2 melalui lokasi-lokasi yang menyenangkan transit rakyat pekerja biasa. Pada masa yang sama, kita juga lihat ada dua buah stesen sedang operasi di MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang di kawasan bekas ladang getah Lembaga Getah Malaysia RRIM Sungai Buloh. Projek pembangunan Kwasa Sentral ini belum dimulakan lagi, tetapi dua buah stesen telah dibina mendahului pembangunan. Kini persoalannya adalah adakah Kerajaan akan mengutamakan konsep pembangunan rumah mampu milik di lokasi-lokasi tersebut atapun membikarkannya kepada kuasa pasaran untuk mengaut keuntungan maksimum?

## 8. Inovasi Pembinaan Rumah

Selaras dengan hasrat menyediakan perumahan rakyat yang selesa agar memberikan suasana yang sihat untuk sesebuah keluarga membesar, maka kita perlukan kajian dan inovasi dalam bidang ini. Kita sedar dari pelbagai kajian dan permasalahan kini bahawa perumahan konsep sarang burung, bersaiz 600-700 kaki persegi, dengan kedapatan sehingga 18 tingkat amat tidak sesuai untuk keharmonian

keluarga dan komuniti tersebut.

Maka, kita perlukan inovasi baru untuk membina rumah mampu milik yang bersaiz sekurang-kurangnya 1200 kaki persegi, 3 bilik dan berkepadatan rendah.

Apabila ianya berkepadatan rendah, maka isu-isu penyelenggaraan akan kurang kerana penggunaan kemudahan awam seperti lif, laluan pejalan kaki, tong sampah, taman permainan dan sebagainya juga pada kadar yang rendah.

Saiz rumah 1200 kaki persegi adalah amat wajar untuk pembesaran sesebuah keluarga 5 ahli. Kerajaan dan universiti tempatan harus menerajui bidang ini agar kualiti perumahan dan taraf kesejahteraan rakyat ditingkatkan.

## 9. Pembiayaan bebas daripada cengkaman bank

Cadangan yang dikemukakan dalam Belanjawan 2019 juga tidak menangani isu pembeli rumah yang kerap dibebani hutang daripada bank.

Kini perjanjian pinjaman untuk pembelian rumah, seolah-olah berat sebelah kepada pihak bank, terutamanya hartatanah yang belum mempunyai geran pemilikan lagi. Kebanyakan projek perumahan kini adalah jenis bertingkat dan tidak akan mempunyai hak milik strata pada masa pembeliannya.

Maka sebuah perjanjian *Deed of Assignment* dan *Power of Attorney* ditandatangani dengan bank sebagai pra-syarat untuk kelulusan pinjaman tersebut. Kedua-dua dokumen ini dengan jelasnya merampas hak pembeli rumah. Rumah yang anda beli dengan bayaran deposit 10% itu kini dimiliki sepenuhnya oleh bank, dan anda hanya dibenarkan menduduki rumah tersebut sebagai "penyewa" sehingga bayaran pinjaman diselesaikan. Ramai pembeli yang tidak sedar kenyataan ini dan menganggap diri mereka telah memiliki rumah tersebut.

Situasi ini menyebabkan ramai kes pembeli rumah terutamanya daripada golongan B40 hilang tempat tinggal apabila rumah mereka dilelongkan kerana kegagalan membayar ansuran rumah.

Perjanjian yang berat sebelah sebegini haruslah dikaji semula oleh Bank Negara agar hak munasabah pembeli rumah tersebut tidak dirampas oleh bank.

(sambung di m/s 15)



# Imbas kembali tahun 2018 Menuju Malaysia Baru?



## **PRU-14: Perubahan rejim akhirnya terjadi**

Pilihanraya Umum ke-14 (PRU-14) yang berlangsung pada 5 Mei 2018 telah mencipta sejarah apabila berlakunya peralihan kuasa Kerajaan Persekutuan. Walaupun kerajaan UMNO-BN sebelum ini cuba menggunakan pelbagai taktik kotor termasuk persempadanan semula kawasan pilihanraya untuk kekal berkuasa, namun Pakatan Harapan berjaya menawan kuasa pentadbiran di peringkat Persekutuan dengan memenangi lebih separuh kerusi Dewan Rakyat. Yang anehnya, kerajaan baru yang menggantikan rejim lama dipimpin oleh seorang ahli politik tua yang pernah menjadi Perdana Menteri untuk tempoh paling lama dalam sejarah Malaysia.



## **Politik perkauman masih berterusan**

Ketika rakyat menyambut "Malaysia Baru" pasca PRU-14, masalah lama politik perkauman nampaknya masih bertapak kuat. Mobilisasi golongan berhaluan kanan dalam PAS dan UMNO yang mengapi-apikan sentimen perkauman semasa membantah ICERD, amat jelas sekali masih terdapatnya ramai politikus menggunakan politik perkauman untuk memastikan survival politik mereka sendiri tanpa menghiraukan kesannya yang terus memecah-belahkan rakyat dan menimbulkan ketegangan hubungan antara kaum. Puluhan ribu orang yang menyertai himpunan anti-ICERD memberikan modal politik kepada golongan berhaluan kanan untuk terus mempermainkan politik perkauman.

Peristiwa rusuhan di kuil Sri Maha Mariamman Seafield di Subang Jaya, turut menimbulkan suasana ketegangan kaum.

## **Pelaksanaan janji Pakatan Harapan dan "U-turn"**

Pakatan Harapan telah menjanjikan pembaharuan dalam pelbagai aspek dalam "Buku Harapan", iaitu manifesto pilihanraya Pakatan Harapan semasa PRU-14. Walaupun adanya usaha untuk melakukan pembaharuan institusi dan melaksanakan janji dalam Buku Harapan, kerajaan Pakatan Harapan telah menangguhkan banyak pembaharuan yang dijanjikannya dengan alasan seperti hutang negara yang tinggi, perlukan masa yang lebih panjang dan sebagainya.



## **UMNO-BN di ambang kehancuran**

Selepas PRU-14, Barisan Nasional (dikenali sebagai Perikatan sebelum tahun 1973) yang memerintah negara kita untuk 61 tahun mengalami kehancuran pada skala yang tidak dapat dibayangkan oleh pemimpinnya sebelum ini. Parti-parti komponen BN telah keluar dari gabungan politik tersebut secara beramai-ramai sehingga tinggal hanya 3 parti yang membentuk Perikatan sebelum ini (UMNO, MCA dan MIC). Sementara itu, parti yang mendominasi gabungan BN, UMNO, telah mengalami krisis mendalam apabila ramai pemimpin UMNO, termasuk Ahli-ahli Parlimen dan ADUN-ADUN, telah keluar daripada parti UMNO, sama ada mengisyihar diri mereka sebagai ahli bebas yang mesra Pakatan Harapan, ataupun terus menyertai parti komponen Pakatan Harapan. Ahmad Zahid Hamidi yang menang dalam pemilihan Presiden UMNO selepas PRU-14, terpaksa melepaskan jawatan Presidennya selepas menghadapi desakan hebat dalam partinya ketika krisis dalam UMNO semakin memuncak.



## **Najib, Rosmah dan pimpinan UMNO didakwa**

Bekas Perdana Menteri Najib Razak dan isterinya Rosmah Mansor, telah didakwa di mahkamah dengan pelbagai pertuduhan rasuah, khususnya berkaitan dengan skandal 1MDB. Pemimpin UMNO seperti Ahmad Zahid Hamidi turut didakwa di mahkamah atas pertuduhan rasuah.

## **GST dimansuhkan**

Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang ditentang hebat oleh rakyat telah dimansuhkan selepas PRU-14 dan digantikan dengan pengenalan semula Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) dengan skop kutipan cukai yang lebih kecil berbanding GST.

## **Gaji minimum dinaikkan tetapi amat tidak mencukupi**

Kerajaan Pakatan Harapan telah menyamaratakan gaji minimum seluruh negara, tetapi menaikkan gaji minimum berkuatkuasa mulai 1 Januari 2019 dengan kadar yang begitu rendah. Pejabat Perdana Menteri pada awalnya mengumumkan kenaikan gaji minimum sebanyak RM50 kepada RM1,050 sebulan, namun selepas protes hebat daripada kesatuan sekerja dan masyarakat sivil, Menteri Kewangan mengumumkan gaji minimum dinaikkan sebanyak RM100 kepada RM1,100 sebulan mulai 1 Januari 2019 semasa membentangkan Belanjawan 2019.

# Pergolakan dunia 2018



## #MeToo cabar sistem patriarki

Gerakan #MeToo yang melibatkan pendedahan gangguan seksual yang menjadi viral sejak tahun 2017, telah merebak dengan lebih meluas lagi dan berkembang lebih daripada sekadar kempen hashtag dalam media sosial. Perarakan besar-besaran dan gerakan untuk keadilan gender tercetus di banyak tempat di seluruh dunia.

Ratusan ribu orang berdemonstrasi di bandar-bandar utama Amerika Syarikat dalam aksi Perarakan Wanita (*Women's March*) pada 20 Januari 2018. Lebih 5 juta wanita di Sepanyol melibatkan diri dalam "mogok feminis" pada 8 Mac 2018. Protes besar-besaran di Argentina menuntut hak pengguguran untuk wanita. Gerakan feminis di Ireland mendapat kemenangan besar dalam referendum yang menjamin hak pengguguran yang percuma untuk semua wanita.

## Iran: Mogok besar-besaran berterusan

Gelombang mogok melanda negara Iran sepanjang tahun 2018, apabila warga pekerja dan rakyat biasa berprotes terhadap situasi ekonomi yang merosot di negara itu. Pekerja-pekerja, pengusaha-pengusaha bazaar, pemandu-pemandu trak dan guru-guru, telah mengadakan mogok pada masa berlainan.



## Hungary: Rakyat bangkit bantah undang-undang hamba

Gelombang protes tercetus apabila rakyat membantah undang-undang buruh yang memberikan majikan untuk memaksa pekerja bekerja lebih masa sehingga 400 jam setahun. Undang-undang yang disifatkan sebagai undang-undang hamba ini dibawa oleh kerajaan berhaluan kanan yang dipimpin Viktor Orbán sejak tahun 2010.

## Yaman: Krisis kemanusiaan semakin serius akibat perang

Perang saudara di negara Yaman yang tercetus sejak tahun 2015 tiada kesudahan. Campurtangan ketenteraan oleh Arab Saudi dengan sokongan daripada kuasa imperialis Amerika Syarikat, telah melakukan jenayah perang yang serius dan mendatangkan bencana yang hebat kepada rakyat Yaman. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah memberi amaran bahawa 13 juta orang awam di Yaman menghadapi masalah kelaparan, dan barangkali ini merupakan "kebuluran yang paling teruk dalam tempoh 100 tahun ini". *Save the Children* menganggarkan bahawa seramai 85,000 orang kanak-kanak di bawah umur 5 tahun telah mati akibat kebuluran.



## Perancis: Jaket Kuning gugat kerajaan Macron

Gelombang protes Gerakan Jaket Kuning (*Gilets jaunes*) tercetus berikutan kemarahan rakyat Perancis terhadap kenaikan harga bahan api, kos hidup yang semakin meningkat dan pembaharuan sistem cukai oleh kerajaan Perancis yang membebankan rakyat miskin. Protes besar-besaran dengan demonstran yang memakai jaket kuning merebak di seluruh negara Perancis sehingga menular ke negara Eropah lain seperti Belgium dan Belanda. Rakyat turun ke jalan dan berprotes untuk mencabar rejim Emmanuel Macron yang mengamalkan dasar ekonomi neoliberal.



## Mexico: AMLO menang pilihanraya Presiden

Andrés Manuel López Obrador (biasanya dikenali dengan singkatan namanya AMLO), seorang ahli politik berhaluan kiri, muncul sebagai pemenang dalam pilihanraya Presiden Mexico pada 1 Julai 2018, apabila beliau berjaya meraih undi sebanyak 53.19% dalam pusingan pertama pengundian. Semasa AMLO mengangkat sumpah sebagai Presiden baru, beliau menyifatkan dasar ekonomi neoliberal sebagai malapetaka dan berjanji untuk menamatkannya.

## Brazil: Puak pelampau kanan berkuasa

Jair Bolsonaro, seorang ahli politik populis pelampau kanan yang digambarkan sebagai Donald Trump versi Brazil, telah menang dalam pilihanraya Presiden Brazil. Kemenangan Bolsonaro yang anti-pekerja merupakan satu amaran kepada rakyat dunia bahawa ancaman pelampau kanan semakin hebat.

## Ratifikasi hak petani di PBB

Jawantkuasa Ketiga (Sosial, Budaya dan Kemanusiaan) Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah meluluskan Perisyiharan PBB mengenai Hak Petani dan Orang Lain yang Bekerja di Kawasan Luar Bandar, dengan 119 undi sokong, 7 undi bantah dan 49 undi berkecuali. Perisyiharan ini bertujuan untuk memberi perlindungan yang lebih baik kepada hak untuk semua rakyat luar bandar, termasuk petani, nelayan, pekerja pertanian, nomad dan orang asal, di samping memperbaiki keadaan hidup, memperkuatkkan kedaulatan makanan, melawan perubahan iklim dan memelihara biodiversiti. Ini merupakan satu pencapaian penting hasil daripada kempen yang diterajui oleh La Via Campesina, gerakan petani yang terbesar di dunia.

Isu ICERD menjadi isu yang paling hangat dibincangkan baru-baru ini apabila timbulnya tentang hebat daripada golongan berhaluan kanan terhadap hasrat Kerajaan Malaysia untuk menandatangani konvensyen hak asasi manusia antarabangsa tersebut. Sentimen perkauman telah diapi-apikan oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab dalam usaha mereka memobilisasi untuk menentang ICERD. Dalam suasana yang semakin tegang akibat daripada politik perkauman yang memuncak, Pejabat Perdana Menteri telah mengeluarkan satu kenyataan pada 23 November 2018 yang menyatakan bahawa "Kerajaan Pakatan Harapan tidak akan meratifikasi ICERD".

Nampaknya Kerajaan terpaksa tunduk pada ancaman politik perkauman, namun ini tidak akan menghalang puak berhaluan kanan untuk terus mempermainkan isu ini.

### **Sekadar mengangkat nama Malaysia di mata dunia?**

Konvensyen Antarabangsa untuk Penghapusan Diskriminasi Kaum (ICERD), ialah sebuah instrumen hak asasi manusia antarabangsa yang diwujudkan pada tahun 1965 oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) sebagai usaha membasmi diskriminasi kaum yang wujud di serata dunia. Konvensyen ini wujud lebih awal berbanding instrumen hak asasi manusia antarabangsa yang lain seperti Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Sivil dan Politik (ICCPR) dan Kovenan Antarabangsa Mengenai Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya (ICESCR).

Dalam Buku Harapan, iaitu manifesto pilihanraya Pakatan Harapan semasa PRU-14, telah dinyatakan dalam Janji 26 "menjadikan Malaysia sebuah negara yang mempunyai rekod hak asasi yang dihormati dunia", bahawa "konvensyen-konvensyen antarabangsa yang sesuai tetapi belum diratifikasi akan diratifikasi seberapa segera, termasuklah Konvensyen Antarabangsa Mengenai Hak Politik dan Sivil". Tidak dinyatakan secara khusus bahawa Kerajaan Pakatan Harapan akan menandatangani dan meratifikasi ICERD, namun ICERD merupakan salah satu konvensyen hak asasi manusia antarabangsa yang penting dan menjadi salah satu daripada 9 instrumen teras PBB.

Semasa berucap di Perhimpunan Agung PBB pada bulan September 2018, Perdana Menteri Mahathir Mohamad berkata, "Kerajaan baru Malaysia telah berjanji untuk meratifikasi semua instrumen teras PBB lain yang berkaitan dengan perlindungan hak asasi manusia. Ia tidak akan mudah bagi kami kerana Malaysia adalah multi-etnik, multi-agama, multi-budaya dan multi-bahasa. Kami akan memberi ruang dan masa untuk semua berbincang dan memutuskan secara bebas berdasarkan demokrasi."

Usaha kerajaan Malaysia untuk menandatangani dan meratifikasi konvensyen PBB ini nampaknya lebih kepada memulihkan imej Malaysia di mata dunia, yang telah dicemari dengan rekod pencabulan hak asasi manusia dan skandal korupsi oleh pemerintahan UMNO-BN sebelum ini.

# **ICERD dan politik perkauman Malaysia baru, ancaman lama**

## **Reaksi puak kanan**

Namun, hasrat murni Kerajaan Malaysia untuk meratifikasi perjanjian hak asasi manusia antarabangsa ini telah mengundang reaksi hebat daripada beberapa pihak, khususnya golongan berhaluan kanan dalam UMNO dan PAS. Politikus-politikus berhaluan kanan telah mempergunakan ICERD sebagai simbol atau kambing hitam terbaru mereka untuk mengapi-apikan sentimen perkauman bagi memenuhi agenda politik mereka.

Dalam menggerakkan massa untuk menghadiri himpunan bantah ICERD yang diadakan pada 8 Disember 2018, pelbagai hujah bersifat perkauman sempit telah digunakan oleh politikus-politikus yang tidak bertanggungjawab. Hujah-hujah yang menimbulkan kebencian kaum turut menular di media sosial, sehingga mengeruhkan lagi suasana yang tepu dengan sentimen perkauman. Ancaman untuk mencetuskan "Peristiwa 13 Mei" turut dikeluarkan oleh beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab.

## **Kerajaan buat U-turn**

Lebih-lebih lagi, "U-turn" yang dibuat oleh Kerajaan dalam isu ICERD, iaitu mengeluarkan kenyataan bahawa tidak akan meratifikasi ICERD, walaupun dilihat sebagai satu respon untuk cuba meredakan keadaan, tetapi tindakan ini hanya memperkuatkan lagi kumpulan berhaluan kanan yang mempermainkan sentimen perkauman untuk kepentingan sendiri.

Dalam kenyataan yang menyatakan keputusan untuk tidak menandatangani ICERD, Pejabat Perdana Menteri mengatakan bahawa "Kerajaan akan terus mempertahankan Perlembagaan Persekutuan di mana dalamnya termaktub kontrak sosial yang telah dipersetujui oleh wakil semua kaum semasa pembentukan negara ini". Ini seolah-olah memberi gambaran bahawa terdapatnya unsur diskriminasi kaum dalam Perlembagaan Persekutuan.

ICERD sebenarnya tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Malah, Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan jelas menyatakan bahawa negara kita tidak membenarkan diskriminasi berdasarkan kaum. Sementara Perkara 153 yang didakwa akan dimansuhkan sekiranya menandatangani ICERD oleh kumpulan anti-ICERD, adalah bertujuan untuk mengiktiraf kedudukan istimewa masyarakat Melayu dan masyarakat Orang Asal Sabah/Sarawak sebagai "penduduk asal" di bumi Malaysia dan memastikan supaya memastikan tiada kumpulan etnik ketinggalan dalam kemajuan negara kita, maka tidak bercanggah dengan apa yang dibawa dalam ICERD.

Rancangan untuk menandatangani ICERD dan tindakan "U-turn" yang

begitu mengejut menunjukkan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan tiadanya persediaan untuk menghadapi ancaman daripada golongan berhaluan kanan dalam memperkenalkan dasar-dasar pembaharuan sosial. Jika isu ICERD boleh "U-turn", maka isu lain yang berkaitan dengan pembaharuan sosial untuk kebaikan bersama masyarakat tetapi mengancam kepentingan segelintir kecil golongan elit politik juga boleh "U-turn" selepas golongan berhaluan kanan memberi desakan dan mengancam dengan hantu "13 Mei". Ini bukan sahaja tidak akan mengurangkan ketegangan dalam masyarakat berbilang kaum, malah memberi lebih keyakinan politik kepada kumpulan berhaluan kanan untuk mengapi-apikan sentimen perkauman bagi memenuhi agenda mereka sendiri.

Dalam isu ICERD ini, nampaknya Kerajaan Pakatan Harapan gagal mengemukakan dasar alternatif yang dapat mengurangkan perasaan ketakutan yang wujud di kalangan majoriti masyarakat Melayu. Kerajaan Pakatan Harapan perlu membuktikan bahawa ia betul-betul serius dalam menangani masalah kemiskinan Melayu. Hanya melalui pendekatan berdasarkan kelas sosial atau tindakan afirmatif berasaskan keperluan dalam menangani masalah kemiskinan dan ketidakjaminan hidup, kerajaan dapat benar-benar membantu masyarakat Melayu dan juga golongan bukan Melayu yang terperangkap dalam masalah yang sama (seperti gaji rendah, hutang isi rumah, beban untuk membeli/menyewa rumah, kos hidup yang meningkat dan sebagainya). Hanya dengan dasar pembaharuan sosial yang berdasarkan kelas, kita mampu menangkis serangan daripada golongan berhaluan kanan yang sentiasa menggunakan alasan "kepentingan kaum tertentu sedang diancam" untuk meraih sokongan politik.

## **Politik perkauman di Malaysia, satu warisan penjajahan**

Diskriminasi kaum wujud kerana adanya prejudis terhadap kaum yang lain. Prejudis kaum timbul kerana ideologi politik perkauman yang lama bertapak di negara kita.

Politik perkauman yang digunakan oleh golongan politikus elit pemerintah untuk terus berkuasa atau melindungi kepentingan kelas mereka, telah meracuni minda rakyat dengan fahaman chauvinis yang menganggap kaumnya lebih hebat daripada kaum yang lain dan menabur kebencian terhadap kaum yang lain.

Politik perkauman di negara kita berkait rapat dengan sejarah penjajahan imperialis Barat yang mengamalkan dasar pecah-dan-perintah terhadap masyarakat yang terdiri daripada berbilang kaum. Rejim pemerintahan yang dikuasai UMNO untuk lebih 6 dekad selepas kemerdekaan negara kita telah mempergunakan politik perkauman untuk mengekalkan kuasanya

sehingga menanam sentimen perkauman dan prasangka perkauman yang begitu mendalam dalam minda kebanyakan rakyat Malaysia.

Dasar tindakan afirmatif berdasarkan kaum yang dibawa oleh UMNO-BN sebelum ini dengan alasan mengangkat "kedudukan istimewa" masyarakat Melayu, sebenarnya masih tidak dapat menyelesaikan masalah kemiskinan di kalangan masyarakat Melayu marhaen, sebaliknya hanya segelintir elit politik-ekonomi yang rapat dengan pihak pemerintah mendapat keuntungan daripadanya. Lebih teruk lagi, elit politik UMNO terus mempergunakan kemiskinan masyarakat Melayu marhaen yang disebabkan oleh kegagalan dasarnya untuk meneruskan retorik perkaumannya untuk meraih sokongan daripada masyarakat Melayu.

Oleh itu, melawan politik perkauman dan menyingkir diskriminasi kaum merupakan sebahagian daripada usaha membebaskan masyarakat kita daripada warisan penjajah yang memecah-belahkan rakyat.

## **Lawan politik perkauman dengan solidariti**

Politik perkauman yang menghantui negara kita untuk lebih 6 dekad lamanya, masih lagi berkeliaran di era "Malaysia Baru". Kegagalan Kerajaan Pakatan Harapan untuk menghadapi ancaman politik perkauman oleh golongan berhaluan kanan dengan dasar pembaharuan yang jelas, akan menyebabkan masyarakat kita terus dipecah-belahkan oleh permainan politik perkauman sesetengah elit politik yang tidak bertanggungjawab.

Satu-satu caranya untuk menentang ancaman politik perkauman adalah menyatukan rakyat dalam usaha memperjuangkan keadilan sosial yang menjamin peningkatan taraf kehidupan rakyat marhaen secara menyeluruh. Sistem kapitalis (dulunya dalam bentuk penjajahan imperialis Barat dan sekarang menjelma dalam bentuk dasar ekonomi neoliberal yang mengagung-agungkan pasaran bebas) telah mewujudkan masyarakat kelas yang penuh dengan ketidakadilan dan kesengsaraan rakyat bawah, sementara politik perkauman yang sebatی dengan sistem sosio-ekonomi kapitalis pula memastikan susunan masyarakat yang tidak adil ini terus kekal untuk kepentingan modal dengan memecah-belahkan rakyat bawah mengikut kaum yang dipisahkan dengan sentimen perkauman yang tebal.

Kita perlu membina gerakan solidariti di kalangan rakyat yang merentasi batasan kaum dan agama, yang memperjuangkan demokrasi dan keadilan sosial, untuk membebaskan masyarakat kita daripada cengkaman politik perkauman yang berterusan. ##

Kerajaan Malaysia akhirnya mengambil keputusan untuk memansuhkan hukuman mati!

Menurut Liew Vui Keong, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Jemaah Menteri Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk memansuhkan hukuman mati untuk semua kesalahan. Sementara itu, semua pelaksanaan hukuman mati mandatori akan ditangguhkan sehingga pemansuhan hukuman mati dikuatkuasakan.

Liew Vui Keong mengatakan bahawa pindaan terhadap undang-undang sedia ada yang mengenakan hukuman mati akan dibentangkan dalam persidangan Dewan Rakyat.

Pengumuman terbaru mengenai pemansuhan hukuman mati ini merupakan satu perkara yang amat bermakna dan bersejarah untuk Malaysia. Pemansuhan hukuman mati menjadikan negara Malaysia selangkah ke hadapan dalam usaha perlindungan hak asasi manusia dan pembinaan masyarakat yang lebih bersifat kemanusiaan. Kita juga akan dapat mewujudkan sistem keadilan jenayah yang lebih berkesan dengan pemansuhan hukuman mati.

Selama ini, terdapatnya ramai di kalangan masyarakat civil telah berkempen untuk pemansuhan hukuman mati. Manifesto Untuk 99% yang dikemukakan



Gabungan Kiri, telah menyeru supaya "memansuhkan hukuman gantung sampai mati di Malaysia, menangguhkan kesemua hukuman mati secara serta-merta semasa proses pemansuhan, di samping meringankan hukuman mereka yang menanti pelaksanaan hukuman maut".

Dalam Manifesto Pakatan Harapan semasa PRU-14, telah menjanjikan bahawa Kerajaan Pakatan Harapan akan memansuhkan hukuman gantung mandatori untuk semua akta (terkandung dalam Janji 27, "Menghapuskan undang-undang yang zalim").

Adalah diharapkan bahawa Kerajaan tidak melakukan pusingan-U (*U-turn*) dalam usaha memansuhkan hukuman mati untuk semua kesalahan.

## Latar belakang tentang hukuman mati di Malaysia

Hukuman mati sebagai hukuman yang paling berat yang dikenakan ke atas pesalah, merupakan sebahagian daripada sistem undang-undang *common law* yang

(sambung dari m/s 11)

### 10. Hentikan pengusiran paksa

Memandangkan Kerajaan masih lagi gagal memastikan rakyat memiliki rumah yang mereka mampu, maka Kerajaan juga harus memastikan bahawa tempat berteduh kini yang dimiliki oleh rakyat tidak dirampas. Sebagai contohnya, kes seramai 170 penduduk Kampung Padang Jawa di Shah Alam, Selangor. Dalam kes ini, pemaju mengambil tindakan mahkamah untuk mengusir peneroka bandar ini keluar dari tanah kepunyaannya, tetapi pada masa yang sama Kerajaan Negeri Selangor juga gagal menyediakan rumah mampu milik alternatif untuk mereka. Maka, di manakah mereka akan berteduh jika rumah yang ada pun dirobohkan. Tidakkah ini sesuatu yang menjadikan rakyat sebagai gelandangan yang tiada rumah (*homeless*)?

Kerajaan harus mengiktiraf peneroka bandar dan perkampungan yang diduduki oleh mereka dan sekiranya tanah tersebut adalah hak milik kerajaan, maka hak milik tanah tersebut sepatutnya ditawarkan kepada penduduk dan bukannya dijual kepada pemaju untuk keuntungan. Kami juga mencadangkan untuk menggubal satu Enakmen / Akta di mana Kerajaan Negeri / Pusat harus menyediakan skim perumahan atau lot tanah alternatif secara automatik sekiranya peneroka terpaksa diusir keluar kerana pembangunan swasta atau kerajaan.

Tiada apaja kelulusan

pembangunan harus diberikan kepada pihak swasta jika mereka gagal menyediakan perumahan alternatif kepada penghuni asal tanah tersebut yang dikenalpasti sebagai peneroka bandar yang telah menduduki tanah tersebut terlebih dahulu sebelum pemaju membeli tanah itu. Maka pemaju / tuan tanah swasta tersebut perlu sedar tanggungjawabnya apabila membeli tanah tersebut, Justeru, harga perumahan alternatif yang ditawarkan kepada peneroka harus dikongsi bersama oleh pemaju sebagai ganti rugi dan projek pembangunan swasta tersebut harus ditunda sehingga pemaju menunaikan kos tersebut.

Bagi pekerja ladang pula, Skim Perumahan Sendiri harus dipastikan supaya dilaksanakan di semua ladang agar para pekerja ladang tidak diusir keluar dari ladang mereka apabila ladang tersebut dibangunkan, kerana mereka bukan hanya kehilangan kerja tetapi juga perumahan. Jika mereka diberikan rumah alternatif, maka masalah perumahan mereka akan selesai.

10 langkah dan cadangan disebut di sini, boleh membina usaha ke arah menyelesaikan masalah perumahan di Malaysia. Cadangan-cadangan ini diutarakan dalam konteks kaca mata yang berbeza, atas fahaman bahawa perumahan adalah hak dan bukannya suatu komoditi untuk diniagakan di pasaran bebas. Kita juga perlu melihat dalam konteks pembangunan keseluruhan yang perlu dikembalikan fokusnya kepada rakyat terbanyak, bukannya dalam acuan kini yang berfokuskan pada keuntungan para pemaju dan korporat. ##

# Pemansuhan hukuman mati Jangan U-TURN!

diwarisi daripada penjajah British. Namun, bekas penjajah kita, United Kingdom, telah mula memansuhkan hukuman mati untuk kesalahan membunuh (tetapi kekalkan untuk kesalahan penderhakaan, pelanun dengan keganasan, menimbulkan kebakaran di dermaga di-raja dan beberapa lagi kesalahan tentera semasa perang) pada tahun 1969. Pelaksanaan hukuman mati di UK yang terakhir adalah pada tahun 1964. UK memansuhkan hukuman mati untuk semua kesalahan waktu aman pada tahun 1998.

Hukuman mati di Malaysia dijalankan dengan menggunakan cara gantung sampai mati.

Pada masa kini, hukuman mati boleh dikenakan ke atas kesalahan seperti membunuh, penderhakaan terhadap raja, melancarkan perang terhadap raja, menculik untuk membunuh, perompakan dengan pembunuhan, memiliki senjata api, mengedar dan menyeludup dadah, dan sebagainya.

Setakat ini, terdapatnya 1,267 orang yang dijatuhan hukuman mati masih berada di penjara. Antaranya, 336 orang masih dalam rayuan di Mahkamah Rayuan, 128 orang dalam rayuan di Mahkamah Persekutuan, dan 442 orang lagi sedang merayu dengan Lembaga Pengampunan. Antara tahun 2007 hingga 2017, lembaga pengampunan di beberapa buah negeri telah mengurangkan hukuman terhadap 165 orang yang dikenakan hukuman mati.

## Hukuman mati bukan cara berkesan untuk membendung jenayah

Sebelum ini, Kerajaan Malaysia mengekalkan hukuman mati dengan alasan bahawa hukuman mati dapat mengurangkan kes jenayah berat. Namun, adalah terbukti di seluruh dunia, termasuklah di Malaysia, hukuman mati bukannya cara yang berkesan untuk menangani jenayah.

Hukuman mati dikenakan terhadap seseorang yang melakukan jenayah berat, hanya dapat memenuhi satu matlamat, iaitu perasaan untuk "membalas dendam". Namun, dendam yang dibalas, meragut nyawa seseorang kononnya untuk menebus nyawa seorang lagi, bukannya keadilan yang sebenar.

Sistem keadilan jenayah pada zaman moden tidak lagi menumpu pada sentimen untuk membala dendam, tetapi lebih memfokus pada rehabilitasi dan pemulihan, serta pencegahan daripada kesalahan diulangi lagi. Hukuman mati bukan sahaja tidak dapat membendung jenayah, malah boleh mengakibatkan penjenayah melakukan kesalahan yang lebih serius lagi untuk mengelakkan dirinya daripada ditangkap.

Memangnya si pesalah yang melakukan jenayah berat perlu

diasingkan daripada masyarakat, untuk mengelakkannya daripada mengulangi jenayahnya yang mengancam orang lain, namun ini tidak bermakna kita ada lesen untuk membunuh pesalah yang melakukan jenayah berat itu.

## Hukuman mati adalah pencabulan hak yang paling teruk

Hukuman mati merupakan sejenis hukuman yang tidak dapat dibalikkan seperti sedia kala selepas pelaksanaan sekiranya didapat hukuman yang dijatuhan itu tidak betul. Orang yang mati tidak dapat dihidupkan semula.

Hak untuk hidup merupakan hak asasi manusia yang paling penting untuk semua orang. Hukuman mati merupakan sejenis pencabulan hak asasi yang paling serius kerana merampas hak asasi yang paling mustahak untuk seseorang.

Tiada sesebuah berhak untuk mengambil nyawa seorang lagi, dengan apa juar sebab. Membunuh orang adalah sesuatu yang salah, maka membunuh seorang yang disabit membunuh orang (walaupun telah dibuktikan), bukannya sesuatu perbuatan yang betul juga. Dua perbuatan yang salah tidak membawa kepada satu perkara yang betul. Ini bukannya soalan matematik campur tolak.

Sejak tamatnya Perang Dunia II, pemansuhan hukuman mati telah menjadi satu trend antarabangsa. Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) telah meluluskan resolusi yang tidak terikat dalam Perhimpunan Agungnya untuk beberapa tahun kebelakangan ini, menyeru untuk moratorium terhadap pelaksanaan hukuman mati di seluruh dunia.

Di dunia pada hari ini, sebanyak 106 buah negara telah memansuhkan hukuman mati untuk semua kesalahan jenayah; 29 buah negara telah memansuhkan hukuman mati secara *de facto* (iaitu tidak lagi melaksanakan hukuman mati untuk sekurang-kurangnya satu dekad yang lepas dan dipercayai bahawa mempunyai dasar atau praktik untuk tidak melaksanakan hukuman mati); 7 buah negara telah memansuhkan hukuman mati untuk jenayah biasa tetapi kekalkan untuk keadaan khas (seperti jenayah sewaktu perang). Hanya 54 buah negara sahaja yang masih mengekalkan hukuman mati dari segi undang-undang dan amalan, termasuk Malaysia sehingga masih baru-baru ini.

Sekiranya Kerajaan Malaysia melaksanakan apa yang diputuskan, iaitu pemansuhan hukuman mati untuk semua kesalahan, negara kita dapat melangkah lebih ke depan lagi menuju sebuah masyarakat yang lebih bersifat kemanusiaan dan memberi jaminan perlindungan hak asasi yang lebih menyeluruh untuk semua rakyat. Jangan *U-turn* dalam pemansuhan hukuman mati! ##

# UBI: Utopia atau neraka?

Pernahkah anda dengar tentang UBI? UBI yang dimaksudkan di sini bukannya ubi kentang, ubi kayu atau ubi keledek yang kita makan, tetapi singkatan Bahasa Inggeris kepada sejenis perlindungan sosial yang dikenali sebagai "Pendapatan Asas Universal" (*Universal Basic Income*), ataupun "Pendapatan Asas Tanpa Syarat" (*Unconditional Basic Income*).

Di bawah sistem "Pendapatan Asas Universal" (UBI), setiap orang anggota masyarakat (sama ada warganegara dalam sesbuah

Di negara-negara maju yang sedang menghadapi masalah pengangguran di kalangan rakyat akibat daripada pemindahan industri ke Dunia Ketiga dan perkembangan automasi dalam pengeluaran industri, perbincangan tentang UBI menjadi semakin hangat sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan wujudnya beberapa inisiatif atau program awalan pelaksanaan UBI.

Di Finland, kerajaan campuran

negara atau penduduk di sebuah kawasan) akan memperoleh sesuatu jumlah wang tertentu secara berkala daripada kerajaan, untuk memenuhi syarat hidup yang paling asasnya. UBI membolehkan seseorang itu mendapat perlindungan kehidupan minimum walaupun tidak dapat bekerja.

UBI merupakan satu idea perlindungan sosial yang baru dan sedang dieksperimen di beberapa buah negara. Berbeza dengan "pendapatan minimum terjamin" (*guaranteed minimum income*,

GMI) yang sedang diamalkan di kebanyakan negara (seperti *Revenu de solidarité active* di Perancis, *Supplemental Security Income* di Amerika Syarikat, *Bolsa Família* di Brazil dan Bantuan Kewangan Miskin Tegar di Pulau Pinang) yang diberikan secara bersyarat kepada rakyat yang tidak mempunyai pendapatan minimum yang mencukupi untuk terus hidup, UBI tidak meletakkan syarat untuk pemberian wang kepada rakyat. GMI bertujuan untuk membasmi kemiskinan di kalangan warganegara, sementara

UBI dibayar kepada semua warganegara tanpa mengira orang itu bekerja atau tidak dan juga sama ada orang itu kaya atau miskin.

Di Malaysia, penasihat utama kepada Perdana Menteri, Daim Zainuddin, juga pernah menyatakan bahawa beliau sedang mempertimbangkan untuk mewujudkan sebuah dana yang menyalurkan pendapatan asas kepada golongan miskin setiap bulan, bagi mengantikan bayaran BR1M.

Di Belanda, telah dibangunkan eksperimen program UBI yang paling maju di Eropah, dengan beberapa kerajaan perbandaran sedang menguji kesan-kesan program UBI terhadap orang yang mendapat manfaat daripada program sebegini.

Di Perancis, calon Parti Sosialis dalam pilihanraya presiden pada tahun 2017, Benoît Hamon, telah menjanjikan pembayaran UBI sebanyak €750 (bersamaan RM 3,578) sebulan sekiranya beliau menang, tetapi malangnya Hamon kalah teruk dalam pengundian umum.

Di Switzerland, cadangan untuk UBI telah ditolak dalam referendum yang diadakan pada 5 Jun 2016 dengan 77% undi tolak dan 23% undi sokong.

UBI juga mendapat perhatian di India, di mana pelaksanaan UBI dianggap sebagai alternatif kepada program kebajikan sosial di India yang dikatakan tidak efektif dan dirosakkan oleh amalan korupsi.

sosial", dengan memberikan rakyat lebih banyak cara untuk menjalani aktiviti yang tidak membawa hasil pulangan kewangan yang kukuh (seperti kesenian).

Golongan kiri yang mencadangkan UBI sebagai tuntutan yang progresif, menganggap UBI sebagai jaringan keselamatan sosial yang diperkuatkan, dibiayai menerusi peningkatan cukai terhadap golongan korporat dan mahakaya.

UBI boleh dijadikan satu langkah penyesuaian untuk menghadapi automasi kerja yang semakin berleluasa, di mana sistem sebegini membolehkan setiap orang masih dapat menikmati hasil pengeluaran masyarakat (khususnya barang keperluan asas) selepas tenaga kerja manusia digantikan sepenuhnya oleh mesin-mesin automatik. Pendapatan asas yang terjamin sebegini juga membolehkan pekerja mengatasi masalah pengasingan (alienasi) dalam kerja dan hidupnya, serta meningkatkan masa lapang untuk melakukan aktiviti kegemarannya.

Konsep UBI boleh digunakan sama ada untuk melindungi kepentingan kapitalis ataupun menjamin kehidupan pekerja, bergantung kepada cara penafsiran dan pelaksanaannya.

(sambung di m/s 17)

## Eksperimen UBI sudah dimulakan

berhaluan kanan yang dipimpin Juha Sipilä telah melancarkan eksperimen untuk UBI. Kerajaan Finland bercadang untuk mengantikan sebahagian sistem bantuan pengangguran di negara tersebut dengan UBI yang diagihkan kepada semua warganegara Finland. Kela, institut insurans sosial negara Finland, telah memilih secara rawak 2000 orang rakyat Finland berumur antara 25 hingga 58 tahun sebagai peserta. Peserta program eksperimen ini menerima €560 (bersamaan RM 2,675) setiap bulan dari bulan Januari 2017 hingga Disember 2018, tanpa mengira sama ada peserta berkenaan memperolehi apa-pula pendapatan tambahan atau tidak.



## Pandangan dari kiri dan kanan

Parti-parti politik dan ahli-ahli politik di seluruh dunia sudah mula membincangkan secara terbuka tentang idea mengagihkan pendapatan secara tanpa bersyarat kepada setiap rakyat. Kedua-dua belah dalam spektrum politik, sama ada politik kanan atau kiri, masing-masing menyokong idea ini dengan alasan sendiri. Golongan kanan menganggap UBI sebagai satu cara untuk menghapuskan birokrasi negara yang dikatakan ketinggalan zaman, sementara golongan kiri menganggap UBI sebagai langkah untuk membasmi kemiskinan.

Idea UBI ini bukannya sesuatu yang kiri atau "revolusioner" sangat, malah adanya ramai golongan ahli ekonomi berhaluan kanan dan pendukung pasaran bebas menyokongnya. Milton Friedman, ahli ekonomi neo-klasikal yang mendukung pasaran bebas sepenuhnya, juga pernah mengemukakan cadangan serupa dengan UBI yang dipanggil "cukai pendapatan negatif" (sejenis sistem "kebajikan" dalam cukai pendapatan di mana orang yang memperoleh pendapatan kurang daripada sesuatu jumlah akan menerima bayaran tambahan daripada kerajaan dan bukannya membayar cukai kepada kerajaan).

Golongan kanan, khususnya pendukung fahaman libertarian kanan yang mempertuhankan pasaran bebas, menganggap pelaksanaan UBI sebagai cara untuk mengurangkan peruntukan dana awam untuk kebajikan sosial dan perkhidmatan awam, malah pada akhirnya menghapuskan segala pendanaan untuk perkhidmatan awam - semua kemudahan asas atau perkhidmatan awam diswastakan dan rakyat perlu membeli perkhidmatan ini dengan bayaran kepada syarikat korporat swasta. Golongan kanan pro-pasaran ini menganggap bahawa kerajaan tiada lagi tanggungjawab untuk membekalkan perkhidmatan awam kepada rakyat apabila kerajaan membayar rakyat wang UBI untuk jumlah tertentu setiap bulan. Maka, adalah tidak hairan juga kenapa kapitalis besar seperti Mark Zuckerberg dan Elon Musk menyokong idea UBI. Bagi golongan kapitalis besar, pelaksanaan UBI boleh digunakan sebagai alasan untuk mendesak lebih lanjut lagi pengurangan cukai terhadap golongan mahakaya, pemotongan perbelanjaan kebajikan, "penghapusan birokrasi" (baca: menghapuskan peranan kerajaan dalam membekalkan perkhidmatan awam) dan

"pengurangan campurtangan kerajaan dalam pasaran" (baca: kurangkan pengawalseliaan dari segi undang-undang terhadap kapitalis yang sanggup melakukan apa sahaja untuk memaksimumkan keuntungan).

Golongan kiri menganggap UBI sebagai sejenis perlindungan sosial ataupun jaringan keselamatan sosial kepada rakyat berpendapatan rendah. UBI boleh mewujudkan sistem ekonomi pasca-kapitalisme. Jaminan pendapatan melalui UBI, boleh memanfaatkan semua pekerja dengan membebaskan mereka daripada keimbangan yang disebabkan oleh kezaliman perhambaan berbentuk upah, dan mewujudkan peluang untuk rakyat melakukan pekerjaan yang berbeza serta membangunkan potensi kreativiti yang belum lagi diteroka.

Erik Olin Wright, seorang ahli sosiologi Marxis Analitikal, menyifatkan pendapatan asas sebagai usaha untuk memperbaharui kapitalisme dengan memperkhasakan tenaga buruh dalam hubungan dengan modal, memberikan tenaga buruh lebih kuasa tawar-menawar dengan majikan dalam pasaran buruh, membolehkan penyahkomodifikasi buruh dengan memutuskan hubungan kerja daripada pendapatan. Ini akan membolehkan pengembangan skop "ekonomi

(sambung dari m/s 16)

Walau bagaimanapun, pembayaran tanpa syarat kepada semua rakyat melalui UBI, hanyalah penyelesaian kepada simptom-simptom dan luka luaran untuk sistem kapitalis yang sentiasa dilanda krisis.

Dalam realiti dunia hari ini, idea UBI dilontarkan atas sebab desakan untuk menangani krisis kapitalis yang semakin mendalam. Pada ketika politik aliran utama semakin menjurus ke haluan kanan (bersifat konservatif, populis, rasis, xenofobia dan sebagainya) dan dasar-dasar penjimatatan (*austerity*) yang melibatkan pengurangan secara drastik perbelanjaan sosial, UBI semakin mendapat sambutan. Apabila perlindungan sosial yang universal semakin susah dicapai dan hak pekerja semakin dihakis, UBI semakin "masuk akal". Sokongan terhadap UBI berkembang pesat di tempat di mana dasar-dasar ekonomi neoliberal mendatangkan kesan yang paling teruk. Dalam erti kata lain, UBI bukannya alternatif yang sebenar kepada neoliberalisme, tetapi hanya sekadar penyerahan kalah secara ideologi terhadap neoliberalisme.

Dengan perkembangan teknologi pesat pada zaman ini, apabila robot dan automasi semakin menggantikan tenaga manusia dalam proses pengeluaran, sepatautnya kehidupan rakyat

## Menghadapi cabaran automasi dan krisis kapitalis

terbanyak dalam masyarakat akan menjadi lebih baik dan bebas daripada belenggu kemiskinan, namun realiti adalah sebaliknya. Perkembangan pesat teknologi telah menimbulkan kerisauan yang hebat di kalangan pekerja, kerana mereka tidak melihat teknologi yang semakin canggih itu meringankan beban kerja mereka, sebaliknya merampas kerja mereka sehingga memiskinkan lagi mereka. Kenapa begini?

Sekiranya sistem kapitalis yang bermotifkan keuntungan pemodal masih wujud, percanggahan asas yang membawa kepada ketidakseimbangan ekonomi dan ketidakadilan sosial pastinya akan kekal di situ. Walaupun adanya sistem perlindungan sosial seperti UBI (sekiranya ada), rakyat terbanyak masih akan hidup dalam keadaan yang tidak menentu masa depan mereka, dan jurang antara yang kaya dengan yang miskin pula semakin lebar. Ketidakseimbangan ekonomi dan ketidakadilan sosial merupakan tapak membiak masalah-masalah seperti perkauman, jenayah, keganasan sehingga peperangan yang menghancurkan masyarakat manusia.

Motif untuk mengejar keuntungan demi pengumpulan modal yang berterusan telah mendorong kapitalis industri mengeluarkan

barang secara berlebihan dan menggalakkan lagi konsumerisme, mengakibatkan pembaziran sumber alam dan kemasuhan alam sekitar. Kapitalis industri pastinya menyokong UBI, kerana rakyat miskin atau penganggur yang menerima bantuan kewangan melalui UBI akan dapat membelanjakan wang itu untuk membeli barang keluaran mereka, memberi alasan yang selesa kepada kapitalis industri untuk terus enggan membayar gaji yang lebih tinggi kepada pekerja.

Amat jelas sekali, di bawah sistem ekonomi kapitalis, penggunaan robot-robot yang semakin meluas telah membantu dalam mewujudkan lebih ramai lagi "tentera simpanan buruh", iaitu penganggur dalam jumlah yang begitu besar membolehkan golongan kapitalis terus menekankan gaji pekerja pada paras yang rendah. Pekerja-pekerja yang hilang kerja kerana digantikan oleh teknologi baru, tidak dilatih semula dan dikemaskini pengetahuan untuk membolehkan mereka menguasai kemahiran yang bersesuaian dengan perkembangan teknologi yang pesat; sebaliknya pekerja-pekerja dilemparkan ke dalam "ekonomi gig" (seperti menjadi pemandu Grab) yang berasaskan kerja-kerja yang tidak terjamin.

Krisis ekonomi yang berlaku di bawah sistem kapitalis, bukan disebabkan kekurangan dari segi kekayaan masyarakat, tetapi disebabkan pengeluaran berlebihan (*overproduction*) – barang yang berlebihan tiada lagi pembeli kerana jumlah pengeluaran terlalu banyak sementara pendapatan pekerja yang mengeluarkan barang tidak lagi mampu untuk membeli barang keluaran mereka. Kapitalis yang memiliki modal besar yang tidak lagi melabur modal dalam pengeluaran mengalihkan pelaburan mereka dalam aktiviti-aktiviti spekulatif kewangan yang tidak menghasilkan apa-apa yang berguna untuk masyarakat kita.

Selagi punca krisis ekonomi kapitalis tidak ditangani dengan perubahan sistem, berapa banyak pun UBI dibayar kepada pekerja yang menganggur atau berpendapatan rendah, rakyat biasa masih tidak akan dapat membebaskan diri daripada kehidupan yang tidak menentu. Sebaliknya, akan wujudnya sifat kebergantungan rakyat biasa terhadap "kemurahan hati" golongan kapitalis, dan menghancurkan keupayaan rakyat bawahan untuk memperjuangkan hak asasi serta menentukan nasib mereka sendiri melalui tindakan kolektif.

## Masalah pada sistem yang penuh kepincangan

Secara teori atau idealnya, UBI akan memecahkan hubungan antara kerja dengan pendapatan. UBI menyediakan jaring keselamatan kepada pekerja yang dijadikan berlebihan (atau tidak diperlukan lagi) selepas penggunaan robot, mengelakkannya mereka daripada terperangkap dalam kerja-kerja bergaji rendah atau kemiskinan akibat pengangguran, di samping membolehkan mereka beralih dari perusahaan yang ketinggalan zaman ke sektor baru yang lebih produktif. UBI juga membolehkan golongan kapitalis melabur dalam automasi dan teknologi baru tanpa kebimbangan moral tentang menambahkan jumlah pengangguran kepada masyarakat. Maka, UBI akan memperbaiki dan melicinkan lagi roda berputar ekonomi kapitalis: pelaburan meningkat semula, produktiviti meningkat, ekonomi bertumbuh, sementara pekerja-pekerja beralih dari satu kerja ke kerja lain dengan lancarnya sepanjang hidup mereka. SECARA TEORINYA memang begitu, semacam Utopia baru, tetapi...

Secara realitinya, golongan kapitalis melabur bukannya untuk mewujudkan pekerjaan, memenuhi keperluan ataupun membangunkan kuasa-kuasa pengeluaran, tetapi semata-mata untuk mengaut keuntungan. Logik kapitalisme adalah memaksimumkan keuntungan dengan apa jua cara. Pada hakikatnya, hubungan antara kerja dan pendapatan sudah pun dipecahan, tetapi bukannya dalam ertikata yang positif. Perkongsian kekayaan oleh tenaga kerja telah menurun di semua negara, sama ada negara

kapitalis yang maju ataupun negara-negara yang sedang membangun. Gaji sebenar pekerja tidak meningkat walaupun Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) sudah meningkat. Pekerja-pekerja terpaksa bekerja dengan masa kerja yang lebih panjang, tetapi gaji yang dibawa pulang oleh mereka masih sama.

Bagi golongan kapitalis, UBI selain dapat "memacukan" kuasa beli untuk mengurangkan masalah pengeluaran lebihan yang mendatangkan krisis ekonomi, ia juga boleh digunakan sebagai alasan untuk menghapuskan "halangan" untuk pemaksimuman keuntungan kapitalis seperti gaji minimum, dan menghakis perkhidmatan awam dengan lebih penswastaan dan komodifikasi yang menjana keuntungan lumayan untuk syarikat korporat.

Jika kita ingin melaksanakan sistem UBI yang benar-benar progresif, iaitu membebaskan rakyat daripada belenggu kemiskinan dan menyediakan perlindungan sosial yang menyeluruh, maka kita perlukan perubahan yang radikal terhadap sistem pencukaian, di mana cukai terhadap golongan mahakaya dan korporat perlu ditingkatkan secara mendadak.

Selain pengagihan kekayaan (melalui sistem pencukaian progresif dan perlindungan kebajikan sosial seperti UBI), penguasaan secara kolektif dan demokratik oleh pekerja terhadap sumber-sumber pengeluaran juga amat penting dalam mewujudkan keadilan sosial.

Sepanjang sejarah masyarakat kapitalis, perjuangan gerakan pekerja yang berterusan telah memenangi perkhidmatan awam dan pendapatan yang terjamin untuk pekerja. "Pendapatan" pekerja yang terjamin ini dibahagikan kepada dua bahagian: sebahagian sebagai upah langsung yang dibayar oleh majikan sebagai pertukaran untuk tenaga kerja yang ditaburkan oleh pekerja, dan "upah sosial" dalam bentuk faedah kebajikan dan perkhidmatan yang diperuntukkan oleh kerajaan (seperti kesihatan, pendidikan, pencegah dan sebagainya).

Di bawah sistem sosialis, nisbah antara kedua-dua bahagian "pendapatan" ini akan berubah dengan bahagian upah sosial semakin membesar, di mana semua rakyat menikmati kesihatan, pendidikan, perumahan, bekalan elektrik, makanan dan sebagainya sama ada secara percuma ataupun bayaran yang sangat sedikit.

## Lebih daripada UBI

UBI masih sesuatu yang amat baru untuk pemahaman ramai orang di Malaysia, namun idea ini pastinya akan timbul pada masa akan datang dengan pelaksanaannya makin berkembang dan corak ekonomi negara kita semakin tercabar dengan perluasan automasi.

Adalah tidak bermakna untuk kita hanya sekadar fokus pada pelaksanaan UBI, sekiranya kita masih menutup mata kita terhadap sistem kapitalis yang penuh dengan percanggahan, ketidakrasionalan, sifat yang tidak masuk akal dan kepincangan yang serius. UBI tidak akan membawa makna kepada rakyat terbanyak selagi ekonomi masyarakat masih dikuasai oleh segelintir elit yang mahakaya, di mana kekayaan masyarakat terus dialirkkan ke dalam poket kapitalis parasitik. Kita perlu memperjuangkan pemilikan awam (atau pemilikan bersama) untuk aspek-aspek penting ekonomi dan membina kuasa pekerja untuk penguasaan secara demokratik ke atas ekonomi masyarakat.

(sambung di m/s 19)

# Filem, perjuangan kelas & pembebasan masyarakat

Filem merupakan sejenis seni moden yang muncul pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20, melibatkan gabungan seni persembahan, seni visual dan seni buni. Dari pemutaran pita filem ke media digital hari ini, perkembangan seni filem telah memperkaya warisan budaya manusia di seluruh dunia.

Seperti bentuk seni yang lain, seni filem menjadi satu saluran untuk meluahkan perasaan, mengemukakan pemikiran, menyampaikan pandangan dunia dan menyebarkan idea kreatif para pengkarya kepada orang ramai. Filem boleh digunakan sebagai ekspresi tentang ketidakpuasan hati terhadap realiti dan aspirasi untuk perubahan masyarakat yang lebih baik. Namun, filem juga boleh digunakan sebagai alat propaganda golongan pemerintah untuk memperkuatkkan pengaruh ideologinya terhadap rakyat yang diperintah. Di zaman kapitalisme yang penuh dengan budaya kosumerisme, filem juga menjadi alat untuk membabukkan penonton dengan "hiburan" atau mengalihkan perhatian mereka daripada kontradiksi utama dalam masyarakat. Penonton yang semata-mata mencari hiburan melalui filem boleh dipukau dengan ilusi dunia filem dan dipesongkan pemikirannya daripada kritikan terhadap realiti dunia yang penuh dengan penindasan serta penderitaan.

Walau bagaimanapun, terdapatnya ramai pengkarya dan seniman menggunakan filem sebagai medium untuk mengkritik realiti masyarakat kontemporari yang penuh dengan percanggahan di samping mempersempit pandangan dunia yang bersifat revolusioner.

## Filem sebagai pencetus inspirasi untuk melawan

Sepanjang sejarah perjuangan masyarakat dalam menentang segala bentuk penindasan dan menuntut pembebasan, seni menjadi satu medium yang penting untuk mendedahkan realiti dunia yang penuh dengan ketidakadilan, di samping memberikan inspirasi untuk bertindak.

Filem-filem yang mengisahkan perjuangan rakyat dan revolusi untuk pembebasan, boleh menjadi pencetus inspirasi untuk rakyat melawan kekuasaan yang zalim dan berjuang untuk pembebasan dirinya.

Marilah kita mengimbas kembali sebahagian daripada filem-filem sebegini...

Sergei Eisenstein, perintis dalam penggunaan teknik "montaj" dalam seni filem, telah mengarahkan beberapa filem klasik yang menceritakan tentang perjuangan rakyat dalam menentang penindasan kelas dan memperjuangkan pembebasan masyarakat pada tahun 1920-an.

Filem yang paling terkenal arahan Eisenstein ialah *Battleship Potemkin* (diterbitkan tahun 1925), sebuah filem yang mengisahkan pemberontakan anak kapal terhadap pegawai atasan mereka di atas kapal perang Rusia Potemkin pada tahun 1905. Filem ini adalah tentang perjuangan kelas. Adegan yang memaparkan keganasan askar Rusia terhadap orang awam di atas tangga Odessa, merupakan aksi yang paling klasik dan terkenal.


Filem arahan Eisenstein yang lain termasuk "Mogok" (*Stachka*, juga diterbitkan pada tahun 1925 sebelum *Battleship Potemkin*), "Oktober: Sepuluh Hari yang Mengejutkan Dunia" (*October: Ten Days That Shook the World*, diterbitkan tahun 1928, mengisahkan peristiwa Revolusi Oktober 1917), "Alexander Nevsky" (diterbitkan tahun 1938) dan "Ivan the Terrible" (Bahagian 1 diterbitkan pada tahun 1944, Bahagian 2 pada 1958).

Revolusi Rusia pada tahun 1917 merupakan peristiwa perjuangan pembebasan masyarakat yang amat penting dan kemuncak perjuangan kelas pada awal abad ke-20. Filem "Oktober" arahan Eisenstein yang dibuat bersempena dengan ulangtahn ke-

10 Revolusi Oktober, merupakan sebuah filem klasik yang mempersempitkan peristiwa revolusi yang penting ini secara visual. Eisenstein secara sedarnya menggunakan filem "Oktober" sebagai makmal untuk eksperimen "montaj intelek", sejenis penyuntingan yang abstrak di mana hubungan antara babak filem adalah secara konsep, bukannya secara visual atau emosi. Cara persempitan sebuah filem tentang revolusi itu pun amat revolusioner sekali. Di samping itu, ramai watak penting dalam filem ini dimainkan oleh pelakon bukan profesional, misalnya watak Lenin dimainkan oleh seorang pekerja kilang simen.

Namun, agak malangnya adalah Revolusi Rusia selepas 10 tahun telah mengalami pelbagai masalah, dan Joseph Stalin dengan golongan birokrat yang diwakilinya telah berjaya menyengkirkan pemimpin revolusioner yang lain, khususnya Leon Trotsky, pada masa filem "Oktober" dalam pembikinan. Kepimpinan birokrat Stalinis telah memaksa Eisenstein untuk menyunting keluar satu pertiga adegan daripada filem "Oktober" yang menyentuh tentang Trotsky. Oleh itu, kemunculan Trotsky dalam filem sejarah yang penting ini adalah amat minimum.

Terdapat juga sebuah filem Hollywood yang mengisahkan Revolusi Rusia, iaitu "Reds" (diterbitkan pada tahun 1981) yang diarahkan dan dibintangi oleh Warren Beatty. Filem ini mengisahkan tentang kehidupan John Reed, seorang aktivis sosialis dan wartawan dari Amerika Syarikat, yang telah menulis buku berjudul "Ten Days That Shook the World", salah satu catatan penting tentang Revolusi Rusia. Filem ini telah memenangi 3 anugerah Akademi pada tahun 1982, iaitu Pengarah Terbaik (Warren Beatty), Pelakon Wanita Sokongan Terbaik (Maureen Stapleton yang memainkan watak aktivis anarkis Emma Goldman) dan Sinematografi Terbaik (Vittorio Storaro).



## Filem dan dunia nyata

Sama ada bersifat revolusioner atau reaksioner atau cuba bersifat "neutral", seni termasuk seni filem tidak boleh pisahkan diri daripada masyarakat atau dunia nyata yang kita hidup dalamnya. Sama ada secara sedar atau tidak sedar, kesenian itu adalah refleksi ataupun bayangan untuk dunia nyata. Ia boleh berbentuk hanya sekadar bayangan maya, tetapi juga boleh merupakan respon kepada realiti, malah ada yang cuba untuk mencetuskan tindakan untuk mengubah realiti masyarakat.

Filem senyap terkenal yang diterbitkan pada tahun 1915, *The Birth of a Nation*, arahan D. W. Griffith, yang dikatakan perintis kepada filem cetera (iaitu filem dengan jangka masa tayangan penuh, biasanya sekurang-kurang 40 minit), telah mencetuskan kontroversi kerana memberikan gambaran negatif terhadap orang berkulit hitam dan mengagung-agungkan kumpulan rasis Ku Klux Klan. Filem sebegini walaupun dikatakan "hebat", tetapi bersifat reaksioner kerana hanya berfungsi untuk memperkuatkkan ideologi perkauman yang dibawa oleh golongan pemerintah. Pemerintah zalim seperti Nazi

dan Fasis, menggunakan filem sebagai salah satu alat untuk mempropagandakan fahaman reaksioner mereka supaya rakyat dipengaruhi secara halus untuk setia pada rejim yang bersifat zalim itu.

Begini juga dengan kerajaan yang berhaluan kanan, selalu suka menyokong pembikinan filem yang bertujuan untuk mencetuskan semangat "patriotik" dan "nasionalis", sebagai satu proses pembodohan rakyat ataupun pembentukan pemikiran massa yang memberi kesetiaan secara buta kepada rejim yang berkuasa. Di negara "sosialis" bersifat birokratik yang diperintah oleh parti-parti Stalinis, seperti Kesatuan Soviet yang pernah wujud, seni filem juga digunakan sebagai alat propaganda satu hala untuk memperkuatkkan kekuasaan pemerintahan birokratik golongan Stalinis. Di Amerika Syarikat dengan perkembangan pesat industri filem yang seringkali dikenali sebagai Hollywood, seni filem merupakan manifestasi ideologi kapitalisme Amerika Syarikat yang paling ketara, di mana tidak susah untuk kita menemui sifat-sifat yang mengagung-agungkan kapitalisme Amerika Syarikat dalam filem arus perdannya.

## Unsur subversif di Hollywood

Charlie Chaplin, seorang pelawak, pelakon dan pengarah filem yang muncul pada era filem senyap, pernah menghasilkan filem yang mengkritik sistem kapitalis, dan yang terkenal ialah "Modern Times" (1936), sebuah filem senyap komedi Hollywood yang menggambarkan kesusahan yang dialami ramai orang semasa Zaman Meleset yang hebat pada tahun 1930-an akibat daripada krisis ekonomi kapitalis. Oleh sebab pembikinan filem yang mengkritik realiti masyarakat, Charlie Chaplin telah dianggap sebagai "penyokong komunis" oleh Kerajaan Amerika Syarikat pada tahun 1950-an dan dimasukkan dalam "Senarai Hitam Hollywood".

Sebut tentang "Senarai Hitam Hollywood", adanya sebuah filem drama berjudul "Salt of the Earth" yang diterbitkan pada tahun 1954, dihasilkan oleh pembikin filem yang disenaraihitamkan oleh kerajaan Amerika Syarikat dan tauke besar Hollywood, kerana pendirian politik mereka yang berpihak pada

golongan pekerja yang tertindas, sesuatu yang dianggap amat subversif bagi pemerintah Amerika Syarikat.

Pengarah filem "Salt of the Earth", Herbert Biberman, antara mereka yang terawal disenaraihitamkan oleh Kerajaan Amerika Syarikat dengan tuduhan terlibat dengan aktiviti komunis. Penulis skrip untuk filem ini, Michael Wilson, dan penerbit filem ini, Paul Jarrico, turut disenaraihitamkan! Cerita filem "Salt of the Earth" berasaskan perjuangan pekerja lombong di Grant County, New Mexico, pada tahun 1951, melawan syarikat Empire Zinc Company. Pengarah filem telah menggunakan pekerja lombong yang sebenar dan ahli keluarga mereka sebagai sebahagian pelakon dalam filem ini. Filem ini amat unik kerana merupakan filem yang paling awal menceritakan sesuatu perjuangan melalui sudut pandangan sosial dan politik feminis.

(sambung di m/s 19)

(sambung dari m/s 18)

Walaupun Hollywood selama ini sentiasa menghasilkan filem arus perdana yang mencerminkan ideologi dominasi dalam sistem kapitalis, namun tidak kurang juga filem yang mempunyai unsur "subversif" yang mengkritik sistem kapitalis.

Misalnya, filem "The Matrix" (1999) yang diarahkan oleh adik-beradik Wachowski. Menurut Yanis Varoufakis, seorang ahli ekonomi Greece yang berhaluan kiri, "Filem The Matrix, bukannya sebuah filem fiksyen sains yang futuristik, tetapi ia adalah dokumentari tentang dunia yang kita hidup dalamnya." Dalam filem ini, "Matrix" itu boleh disamakan dengan ideologi kelas pemerintah yang mengekalkan kesedaran rakyat biasa pada tahap yang seolah-olah dia hidup bebas, tetapi sebenarnya hanya merupakan bateri yang membekalkan tenaga kepada sistem mesin itu berfungsi. Ini adalah metafora kepada masyarakat kapitalis



## Filem Eropah yang lagi subversif

Gelombang kebangkitan anak muda yang dipengaruhi oleh pemikiran kiri yang radikal pada tahun 1960-an di Eropah, turut memperkayakan seni filem dengan pelbagai jenis filem yang subversif.

Jean Luc Godard, perintis gerakan filem "Gelombang Baru Perancis" (*La Nouvelle Vague*), telah banyak dipengaruhi oleh pemikiran kiri. Pada tahun 1967 sahaja, Godard menghasilkan 3 buah filem yang menyatakan kritikannya terhadap sistem kapitalis: 1. Filem yang bertajuk "Dua atau Tiga Perkara Aku Tahu Tentang Dia" (*Deux ou Trois choses que je sais d'elle*), menggambarkan seorang wanita di Paris bagaimana hidup dalam sebuah masyarakat yang dipenuhi dengan konsumerisme; 2. Filem "Perempuan China" (*La Chinoise*) mengisahkan kehidupan sekumpulan penyokong muda Parti Komunis Perancis yang sangat radikal, di mana mereka akan menghafal petikan kata Mao Zedong dan mengkritik imperialis Amerika Syarikat; 3. Filem "Week-end" (1967) mengkritik dengan sepenuhnya terhadap seluruh sistem masyarakat kapitalis Perancis pada masa itu.



Filem "La Chinoise"

di mana pekerja diperas titisan peluhnya dan ditindas teruk, tetapi dilumpuhkan secara intelek ataupun dibodohkan oleh media dan juga segala pengaruh ideologi golongan pemerintah yang wujud di sekelilingnya. Watak utama dalam filem *The Matrix* melawan untuk membebaskan dirinya daripada cengkaman ideologi kelas pemerintah ini. Suatu metafora yang subversif kan?

Adik-beradik Wachowski juga mengarahkan satu lagi filem yang membawa mesej subversif secara terang-terangan, iaitu "*V for Vendetta*" (2005). "*V for Vendetta*" walaupun telah dicairkan sifat subversifnya berbanding dengan karya novel grafik asal oleh Alan Moore, tetapi masih mempunyai banyak mesej dan adegan simbolik yang menyampaikan pandangan politik anarkis. Salah satu slogan dalam filem ini adalah "rakyat tidak patut takut pada kerajaan mereka. Kerajaan patut takut pada rakyatnya!" Bunyinya agak subversif kan?

## Filem sebagai pemangkin perjuangan

membentuk perspektif kita untuk pembebasan masyarakat.

Filem-filem yang disebut dalam tulisan ini hanya sebahagian kecil daripada banyak lagi filem yang berkaitan dengan politik kiri, perjuangan kelas dan pembebasan masyarakat. Akhbar Sosialis akan berkongsi dengan pembaca lebih banyak tentang filem sebegini pada masa akan datang. ##



### Lebih daripada UBI

(sambung dari m/s 17)

Selain daripada menuntut pendapatan asas untuk mereka yang disingkirkan oleh sebab automasi, kita perlu menuntut supaya kerja yang sedia ada dan bakal dicipta itu dikongsikan dengan lebih meluas, dengan jam kerja sehari dikurangkan untuk semua pekerja tanpa mengurangkan gaji. Namun, ini hanya berkemungkinan di bawah sistem ekonomi yang berdasarkan keperluan rakyat, bukannya keuntungan korporat.

Untuk jangka masa terdekat, langkah-langkah yang boleh diambil untuk memperbaiki kehidupan rakyat biasa dan mewujudkan ekonomi yang berdasarkan keperluan rakyat bukannya keuntungan korporat, adalah mewujudkan dasar-dasar seperti berikut:

- Kurangkan masa kerja wajib (misalnya, dari 8 jam sehari ke 4 jam sehari, dan hari kerja seminggu dikurangkan kepada 3 atau 4 hari) tanpa kurangkan gaji. (Jikalau boleh, haramkan kerja lebih masa!)
- Wujudkan gaji minimum mampu sara hidup yang bermaruah (iaitu paras gaji yang dapat menampung perbelanjaan kehidupan yang selesa dengan secukupnya).
- Rombak semula sistem percukaian dengan mencukai lebih tinggi ke atas golongan mahakaya dan korporat besar, supaya kerajaan dapat membelanja lebih dalam menyediakan perkhidmatan awam kepada rakyat. Bagi menangani kecenderungan pengelakan cukai, perlu wujudkan kerjasama serantau dan antarabangsa yang membendung tempat berlindung cukai.
- Membelanjakan lebih banyak dana kerajaan dalam mewujudkan sistem pendidikan percuma sehingga tahap tertiari, kesihatan percuma, pengangkutan awam

yang efisien dan perumahan sosial.

- Mewujudkan dan memantapkan perlindungan sosial seperti pencegahan hari tua untuk semua (supaya warga emas dapat membelanja untuk memenuhi keperluan hidup harian selepas bersara), bantuan dana pengangguran, perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan sebaginya.
- Menggalakkan dan menyokong perusahaan pengeluaran yang berbentuk koperasi pekerja atau perusahaan milik sosial (iaitu perusahaan yang bukan berdasarkan keuntungan korporat).

Bakat, keupayaan dan potensi rakyat hanya dapat diperkembangkan secara menyeluruh dengan adanya jaminan hidup masyarakat yang selesa, dengan perkhidmatan awam berkualiti dan persekitaran yang bebas daripada keimbangan tentang kewangan yang tidak mencukupi untuk hidup.

Kita tidak akan adanya keimbangan tentang kehilangan kerja dan menjadi seorang yang tidak berguna apabila automasi mengantikan tenaga kerja manusia dengan sepenuhnya, sekiranya ekonomi masyarakat kita diorganisasi berdasarkan keperluan masyarakat bukannya keuntungan korporat. Susunan masyarakat yang berdasarkan penyertaan demokratik daripada rakyat dalam proses membuat keputusan, pengagihan kekayaan secara adil dan persaudaraan sesama manusia, akan membawa jaminan kesejahteraan hidup yang berkekalan untuk semua rakyat. Segala kekayaan masyarakat yang dihasilkan, akan dapat digunakan sepenuhnya untuk kebaikan bersama manusia.

Namun, kita tidak akan dapat mencapai sebuah masyarakat yang lebih adil tanpa perjuangan yang melibatkan organisasi rakyat dari bawah. Perjuangan ini perlu diteruskan... ##



Poster filem "Bolehkah Dialektik Memecahkan Bata?"

# Rosa Luxemburg

## Peneraju idea kiri radikal

Bulan Januari tahun 2019 menandakan ulangtahun ke-100 pemergian Rosa Luxemburg (1871-1919), seorang tokoh revolucioner Jerman yang mendedikasi sepenuh hidupnya kepada usaha perjuangan pembebasan rakyat pekerja antarabangsa. Walaupun Rosa Luxemburg telah meninggalkan kita untuk 100 tahun, namun pemikiran revolucionernya masih mempengaruhi dan memberi inspirasi kepada gerakan anti-kapitalis pada hari ini.

### Kisah hidup yang radikal

Rosa Luxemburg dilahirkan pada 5 Mac 1871 di Zamośc, sebuah bandar Poland yang masih dikuasai oleh Empayar Rusia pada masa itu. Ketika umur belasan tahun, beliau pernah menyertai Parti Proletariat, sebuah parti berhaluan kiri di Poland yang hanya wujud beberapa tahun sebelum dibubarkan secara keras oleh kerajaan Rusia. Rosa Luxemburg berhijrah ke Switzerland pada tahun 1889 dan belajar di Universiti Zurich. Di Switzerland, Rosa Luxemburg mula terlibat dengan politik Marxis.

Pada tahun 1893, Rosa Luxemburg menubuhkan parti berhaluan kiri "Demokrasi Sosial Kerajaan Poland" (SDKP) bersama dengan Leo Jogiches and Julian Marchlewski, dan menerbitkan suratkhabar "Sprawa Robotnicza" (Perjuangan Pekerja). Rosa Luxemburg merupakan ahli teori utama SDKP. SDKP bergabung dengan Kesatuan Pekerja di Lithuania untuk membentuk "Demokrasi Sosial Kerajaan Poland and Lithuania" (SDKPiL) pada tahun 1899.

Rosa Luxemburg membantah dasar nasionalis yang dibawa oleh Parti Sosialis Poland (PPS). Rosa Luxemburg berpandangan bahawa negara Poland yang merdeka hanya boleh wujud melalui revolusi sosialis di Jerman, Austria dan Rusia. Rosa Luxemburg berpendirian tegas bahawa perjuangan kelas pekerja Poland harus fokus pada usaha melawan kapitalisme, bukannya hanya tertumpu pada kemerdekaan Poland.

Pendirian Rosa Luxemburg yang menolak hak menentukan nasib sendiri untuk sesuatu bangsa (*self-determination*) telah mencetuskan perbahasannya yang hebat dengan Vladimir Lenin, tokoh revolucioner Rusia yang mendukung hak untuk bangsa tertindas menentukan nasib sendiri.

Rosa Luxemburg berpindah ke Berlin, Jerman, pada tahun 1898, dan kemudiannya menyertai Parti Demokratik Sosial Jerman (SPD). Rosa Luxemburg menentang kuat kecenderungan politik reformis yang diterajui oleh Eduard Bernstein dalam SPD. Pada tahun 1900, Rosa

Luxemburg menerbitkan tulisannya yang berjudul "Reformasi atau Revolusi", sebuah risalah yang bertujuan untuk membidas pandangan reformis Bernstein. Rosa Luxemburg berhujah bahawa walaupun kesatuan sekerja, parti politik bersifat reformis dan perluasan demokrasi sosial penting untuk pembangunan kesedaran kelas bagi golongan pekerja, tetapi sekadar itu tidak mencukupi untuk mewujudkan sebuah masyarakat sosialis. Rosa Luxemburg menggunakan perspektif materialis sejarah untuk menekankan bahawa kapitalisme tidak dapat bertahan lama secara ekonomi dan akan mengalami keruntuhan. Menurut Rosa Luxemburg, revolusi adalah sesuatu yang perlu untuk mentrasformasikan kapitalisme kepada sosialisme.

Rosa Luxemburg pernah mengajar di sekolah SPD di Berlin. Beliau juga menjalin hubungan rapat dengan Clara Zetkin yang dikenalinya semasa bergiat dalam sayap wanita SPD. Rosa Luxemburg juga bekerjasama dengan rapatnya dengan Karl Liebknecht, pemimpin SPD yang kuat menentang militarisme.

### Tegas menentang perang

Rosa Luxemburg berpendirian tegas dalam menentang perang imperialis. Pada awal abad ke-20, apabila benua Eropah semakin hari semakin diancam dengan perang imperialis, Rosa Luxemburg menyeru supaya mengadakan mogok umum yang menyatukan kekuatan pekerja untuk menghalang pencetus perang. Namun, idea radikal yang dikemukakan oleh Rosa Luxemburg tidak diterima oleh pemimpin SPD pada masa itu, seperti Karl Kautsky. Semasa persidangan Internasional Kedua (sebuah organisasi parti-parti pekerja dan sosialis antarabangsa) di Stuttgart pada tahun 1907, Rosa Luxemburg mengusulkan untuk parti-parti pekerja di seluruh Eropah bergabung demi menghalang berlakunya perang, dan usulnya diterima oleh perwakilan persidangan tersebut. Pada

tahun 1912, ketika Rosa Luxemburg mewakili SPD untuk menghadiri persidangan sosialis Eropah, beliau bersama dengan sosialis Perancis Jean Jaurès telah mengusulkan bahawa pekerja Eropah perlu mengadakan mogok umum sekiranya tercetus perang. Pada tahun 1913, Rosa Luxemburg menyeru, "Jika mereka ingat kita akan mengangkat senjata untuk membunuh sesama saudara-saudara kita di Perancis dan



negara lain, maka kita hendaklah berteriak, 'Kami tidak akan melakukannya!'"

Apabila tercetusnya Perang Dunia I pada tahun 1914, golongan reformis dalam parti demokrat sosial di Jerman dan Perancis telah mengkhianati semangat internasionalisme gerakan pekerja dengan sepenuhnya. Golongan reformis ini telah menyokong kelas pemerintah di negara masing-masing untuk melancarkan perang imperialis. SPD telah menyokong Empayar Jerman untuk mengambil bahagian dalam Perang Dunia I, di mana ahli-ahli parlimen daripada SPD mengundi untuk menyokong usul yang setuju dengan peruntukan dana perang. Pemimpin-pemimpin reformis SPD juga berjanji pada kelas pemerintah Jerman bahawa mereka tidak akan menganjurkan sebarang mogok pekerja semasa perang.

Rosa Luxemburg yang anti-perang telah bergabung dengan Karl Liebknecht, Clara Zetkin dan Franz Mehring untuk menujuhkan kumpulan Die Internationale pada bulan Januari 1914. Kumpulan ini kemudiannya disusun semula menjadi "Liga Spartacus" (Spartakusbund). Rosa Luxemburg bersama dengan rakan seperjuangannya menerbitkan dan mengedar risalah anti-perang, mengecam pendirian SPD yang menyokong perang. Rosa Luxemburg dan Karl Liebknecht ditahan oleh kerajaan Jerman pada bulan Jun 1916 kerana menyeru pekerja Jerman untuk melancarkan mogok anti-perang. Rosa Luxemburg telah dipenjarakan sehingga 8 November 1918, iaitu ketika tercetusnya Revolusi Jerman yang menjatuhkan pemerintahan Kaiser Wilhelm II di Jerman dan menamatkan Perang Dunia I.

(sambung di m/s 21)

**"Peringkat masyarakat kapitalis sudah pastinya adalah satu keperluan sejarah, tetapi begitu juga dengan pemberontakan kelas pekerja terhadapnya - pemberontakan penggali kuburnya."**

- Rosa Luxemburg



Rosa Luxemburg berucap dalam rapat umum di Stuttgart pada tahun 1907.

(sambung dari m/s 20)

## Mangsa kezaliman anti-revolusi

Selepas berlakunya Revolusi November 1918, Parti Demokratik Sosial Independen Jerman (USPD) dan kebanyakannya anggota SPD menyokong majlis-majlis pekerja dan askar yang ditubuhkan ketika revolusi. Namun, pemimpin SPD yang ingin mengekalkan sistem kapitalis yang sedia ada dan takut pada revolusi sosialis, amat bimbang bahawa majlis-majlis pekerja ini boleh menjadi seperti soviet yang mengambil alih kuasa semasa Revolusi Rusia tahun 1917, maka mereka cuba menyekat perluasan kuasa revolusioner dengan bersungguh-sungguhnya.

Liga Spartacus pernah bergabung dengan USPD yang juga menentang perang. Namun, USPD telah bergabung dengan SPD yang cuba mengekalkan susunan pemerintahan kapitalis selepas berlakunya Revolusi Jerman pada bulan November 1918. Liga Spartacus yang tidak lagi menaruh harapan pada SPD dan USPD, telah menubuhkan Parti Komunis Jerman (KPD) pada penghujung bulan Disember 1918.

Rosa Luxemburg telah menulis program politik untuk penubuhan KPD. Dalam program yang dikemukakan oleh Rosa Luxemburg, beliau mengatakan bahawa golongan komunis tidak akan dapat mengambil alih kuasa tanpa sokongan padu daripada majoriti rakyat. Luxemburg menyeru supaya KPD mengambil bahagian dalam pilihanraya Perhimpunan Nasional, tetapi cadangannya telah ditolak oleh undi majoriti KPD. KPD memutuskan untuk memboikot pilihanraya Perhimpunan Nasional. Kebanyakan anggota KPD mengharapkan kerja-kerja menghasut di kilang-kilang dan tekanan daripada aksi jalanan dapat membolehkan KPD mengambil alih kuasa.

Pada bulan Januari 1919, tercetusnya gelombang revolusi yang kedua di Jerman yang dikenali sebagai "Pemberontakan Spartacus" atau "Pemberontakan Januari". Walaupun Rosa Luxemburg tidak menyokong tindakan merampas kuasa secara keras pada masa itu kerana kekuatan revolusioner memang masih tidak cukup lagi, tetapi beliau masih menyokong aksi pemberontakan tersebut.

Selepas tercetusnya Pemberontakan Januari, pemimpin SPD Friedrich Ebert yang juga

mengetuai kerajaan Jerman pada masa itu, telah mengarahkan organisasi separa tentera pelampau kanan, Freikorps, untuk menghancurkan revolusi yang diterajui oleh golongan kiri.

Rosa Luxemburg dan Karl Liebknecht telah ditahan oleh Freikorps pada 15 Januari 1919. Mereka telah diseksa sebelum dibunuh secara kejam oleh Freikorps. Mayat Luxemburg telah dibuang ke dalam Terusan Landwehr di Berlin.

Walaupun Rosa Luxemburg telah berkorban dalam penindasan golongan kanan terhadap revolusi, beliau telah meninggalkan warisan pemikiran kiri yang radikal untuk generasi-generasi selepasnya.

## Kespontanan dan organisasi

Rosa Luxemburg pernah menekankan bahawa kespontan dan kebangkitan massa akar umbi dan organisasi yang revolusioner adalah dua perkara yang tidak dapat dipisahkan. Kespontan dan organisasi bukannya dua jenis aktiviti yang berlainan, tetapi kedua-duanya wujud pada saat yang berlainan dalam sesuatu proses politik. Kespontan revolusioner tidak wujud atau kekal tanpanya organisasi, sementara organisasi revolusioner tidak dapat berkembang tanpa kespontan massa.

Golongan yang berpegang pada pendirian bahawa kespontan revolusioner adalah satu-satunya pencetus revolusi, menganggap bahawa revolusi tidak patut berlaku melalui tindakan sekumpulan individu atau sesuatu parti politik yang cuba untuk mencetuskan revolusi. Tokoh revolusioner Rusia Lenin tidak bersetuju pada pegangan yang mengagung-agungkan kespontan massa. Lenin mengkritik secara keras bahawa kespontan revolusioner ialah konsep "revisionis" yang berbahaya, kerana ia menanggalkan sifat pemikiran Marxis yang disiplin dan membiarkan proses revolusi itu secara arbitri dan tidak efektif.

Berbeza dengan pandangan Lenin, Rosa Luxemburg menekankan pada kepentingan kespontan massa tanpa mengendahkan kepentingan organisasi. Rosa Luxemburg menganggap kespontan massa sebagai penggerak utama untuk revolusi.

Berkenaan dengan mogok pekerja secara spontan, Rosa Luxemburg berhujah bahawa aksi mogok secara spontan menghancurkan peraturan dan kebiasaan lama kesatuan sekerja, memecahkan sempadan reformis antara politik dan ekonomi, maka menunjukkan keseragaman dalam perjuangan kelas.

Walaupun Rosa Luxemburg menekankan pada kepentingan

"Kebebasan hanya untuk penyokong kerajaan, hanya untuk anggota satu parti - walaupun jumlah mereka besar - langsung bukannya kebebasan. Kebebasan sentiasa dan secara eksklusif adalah kebebasan untuk orang yang berfikir berbeza. Bukan kerana apa-apa konsep fanatik tentang 'keadilan', tetapi oleh kerana segala yang bersifat pengajaran, berfaedah dan penulenan dalam kebebasan politik bergantung pada ciri-ciri penting ini, dan keberkesanannya hilang apabila 'kebebasan' menjadi keistimewaan khas... Tetapi demokrasi sosialis bukannya sesuatu yang hanya bermula di tanah yang dijanjikan selepas asas-asas ekonomi sosialis diwujudkan; ia tidak datang sebagai sejenis hadiah Krismas untuk orang yang layak, dalam perantaraan, yang secara setianya menyokong segelintir kecil diktator sosialis. Demokrasi sosialis bermula serentak dengan permulaan kemusnahan pemerintahan kelas dan pembinaan sosialisme."

- Rosa Luxemburg, Revolusi Rusia, 1918

kespontan dalam perjuangan revolusi, tetapi beliau tidak pernah memandang ringan tentang kepentingan organisasi. Organisasi merupakan pengantar kepada kespontan, dan organisasi mesti menjadi pengantar kepada kespontan. Organisasi ialah hasil produk perjuangan kelas pekerja.

Bagi Rosa Luxemburg, dengan adanya gerakan sosialis yang tersusun (berorganisas), kebangkitan dan kekuatan massa dapat saling menggerakkan perjuangan ke hadapan. Ini dapat mendorong kewujudan dan peningkatan kesedaran perjuangan, membekalkan sumber dan organisasi untuk perjuangan, maka membentuk fokus dan kepimpinan dalam perjuangan.

Gerakan sosialis ialah barisan depan kelas pekerja dengan pemikiran yang paling jelas dan kesedaran kelas yang paling tinggi.

## Demokrasi sosialis

Prinsip utama yang dipegang oleh Rosa Luxemburg adalah komitmennya terhadap demokrasi dan keperluan untuk revolusi berlaku.

Rosa Luxemburg menegaskan tentang keperluan untuk rakyat menentang/mengkritik pemimpin mereka supaya mengelakkan daripada menuju ke masyarakat autoritarian, tetapi juga menekankan kepentingan parti yang revolusioner dan keutamaan kelas proletariat dalam perjuangan revolusioner.

Idea Rosa Luxemburg tentang demokrasi amat serupa dengan pandangan Karl Marx, iaitu pembebasan kelas pekerja perlu dicapai oleh kelas pekerja sendiri. Luxemburg amat menekankan demokrasi sosialis. Luxemburg mengkritik teori parti politik dan

revolusi yang dibawa oleh Lenin, dengan menegaskan prinsip-prinsip demokrasi sosialis, demokrasi dalam parti dan jaminan untuk kebebasan orang yang berpandangan berbeza.

Rosa Luxemburg telah menerangkan hubungan antara sosialisme dan demokrasi, dari segi demokrasi institusi, demokrasi masyarakat, demokrasi akar umbi dan demokrasi dalam parti.

Rosa Luxemburg mengkritik kecenderungan untuk amalan yang tidak demokratik dalam Revolusi Rusia yang dipimpin oleh Bolshevik.

Rosa Luxemburg juga berpandangan bahawa, dalam gerakan pekerja, demokrasi dan tindakan berbentuk massa perlu menewaskan birokrasi dan kecenderungan konservatif.

## Idea-idea radikal yang masih relevan hari ini

Rosa Luxemburg mendedikasikan seumur hidupnya kepada demokrasi dan pembebasan rakyat bawahan. Rosa Luxemburg telah mewarisi idea dan prinsip Marxis yang revolusioner. Rosa Luxemburg sentiasa menggunakan pendirian, perspektif dan metodologi Marxis untuk menganalisis dan menangani permasalahan. Analisis Rosa Luxemburg tentang reformasi dan revolusi, gerakan massa dan kepimpinan parti, kediktatoran dan demokrasi, adalah contoh aplikasi dialektik Marxis. Rosa Luxemburg telah meninggalkan idea-idea radikal untuk perjuangan pembebasan rakyat bawahan yang masih relevan selepas satu abad.

Rosa Luxemburg berpandangan bahawa adalah tidak patut memetik tulisan Marxis secara dogmatik, begitu juga tidak patut memisahkan diri daripada pemikiran Marxis semata-mata untuk menonjolkan kebebasan pemikiran diri. ##



Rosa Luxemburg (kanan) dan Clara Zetkin (kiri)

# “Progressive International”

## Gerakan sosialisme demokratik antarabangsa baru

Satu gerakan antarabangsa yang menyatukan aktivis dan organisasi progresif yang berhaluan kiri, telah dilancarkan pada 30 November 2018, dalam satu perhimpunan golongan progresif yang dianjurkan oleh *The Sanders Institute* di Burlington, Vermont, Amerika Syarikat. Matlamat pembentukan gerakan kiri baru ini adalah untuk melawan kebangkitan politik pelampau kanan, xenofobia dan dasar-dasar mencabul hak rakyat yang semakin ketara di peringkat dunia.

Gerakan yang digelar “*Progressive International*” ini dilancarkan bersama oleh *The Sanders Institute* dan “Gerakan Demokrasi di Eropah 2025” (DiEM25). Pendukung utama idea untuk mewujudkan organisasi antarabangsa berhaluan kiri ini ialah Bernie Sanders dan Yanis Varoufakis. Sanders ialah Senator AS untuk Vermont yang pernah menjadi calon dalam pemilihan awal Parti Demokratik untuk Presiden AS pada tahun 2016, sementara Varoufakis ialah seorang ahli ekonomi berhaluan kiri yang pernah menyandang jawatan Menteri Kewangan Greece untuk tempoh 6 bulan pada tahun 2015.

Penubuhan *Progressive International* merupakan satu respon politik dan usaha kiri untuk menewaskan kebangkitan kuasa-kuasa kanan di seluruh dunia dengan membina satu gerakan akarumbi untuk keadilan global.


Pada ketika ini, ancaman kuasa populis kanan semakin hebat, dengan satu “Internasional Nasionalis” sedang dalam

pembentukan. Jaringan kuasa nasionalis berhaluan kanan ini muncul di peringkat dunia dan merentasi benua-benua utama, dengan ahli politik populis berhaluan kanan mengambil alih kuasa seperti Viktor Orbán di Hungary, Jair Bolsonaro di Brazil, Rodrigo Duterte di Filipina dan Donald Trump di Amerika Syarikat. Gabungan kerajaan pimpinan “orang kuat” berhaluan kanan ini sedang menyekat hak-hak sivil, mengkambinghitamkan golongan minoriti di negara masing-masing dan mempermudahkan perluasan amalan penyelewengan untuk mengkayakan lagi golongan mahakaya yang rapat dengan mereka.

Dalam menghadapi ancaman kuasa yang memecah-belahkan rakyat dunia untuk kepentingan golongan elit politik yang rapat dengan harta warisan mahakaya, gerakan progresif yang berhaluan kiri menjadi semakin perlu. Di Amerika Syarikat, Bernie Sanders menyeru untuk “menyatukan rakyat di seluruh dunia” untuk melawan autoritarianisme; di Britain pula, pemimpin Parti Buruh Jeremy Corbyn bertekad untuk membangkitkan semula “tradisi internasionalis yang terbaik dalam gerakan buruh”. Kehadiran Corbyn dalam majlis perlantikan Andrés Manuel López Obrador, seorang ahli politik berhaluan kiri

di Mexico, sebagai Presiden Mexico, menunjukkan bahawa solidariti dan kerjasama antara gerakan kiri yang baru semakin berkembang di peringkat antarabangsa.

Menurut Varoufakis, “Fasis berkuasa



pada tempoh masa antara perang bukannya dengan menjanjikan keganasan, perang ataupun kemahanan. Mereka berkuasa dengan bercakap kepada orang baik... memandang mereka di mata dan berjanji untuk memulihkan kebanggaan mereka... memberi mereka satu rasa kepunyaan terhadap satu janji yang lebih besar, sementara mencipta satu ancaman daripada ‘orang asing’ yang tersembunyi yang dianggap mengancam harapan mereka.”

“Era kita akan diingati dengan kemaraan kemenangan golongan berhaluan kanan yang bersatu secara global – satu Internasional Nasionalis – yang muncul daripada penakung najis kapitalisme kewangan,” Varoufakis menulis, “sama ada ia juga akan diingati dengan kejayaan humanis dalam mencabar ancaman ini bergantung pada kesanggupan progresif di Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, United Kingdom dan juga negara-negara seperti Mexico, India dan Afrika Selatan, untuk membangunkan sebuah Internasional Progresif yang koheren.”

Masa sudah tiba untuk golongan kiri membentuk front bersama dalam perjuangan untuk keamanan dan kemakmuran dunia. *Progressive International* bercita-cita untuk menghimpunkan golongan kiri di

peringkat dunia untuk bersama-sama merangka sebuah dunia yang kita ingini dan menjadikannya realiti. Ini hanya dapat dilakukan dengan gerakan akarumbi yang memobilisasi rakyat pekerja di seluruh dunia, tanpa memutuskan diri daripada perjuangan setempat.

Golongan kanan populis menghadapi krisis kapitalis dengan mengembalikan pemerintahan autoritarian melalui pengapi-apian sentimen kebencian, golongan kiri menghadapinya dengan membina solidariti di kalangan rakyat terbanyak untuk perubahan sistem dan membina sosialisme demokratik dari bawah.

Sekadar dasar-dasar reformis adalah tidak mencukupi. Kita perlukan gerakan yang mempunyai visi bersifat revolusioner yang mengubah keseluruhan struktur sosio-ekonomi. Di setiap negara, terdapatnya rakyat yang sedang berjuang untuk kemajuan masyarakat dan kesejahteraan bersama. Golongan progresif yang berhasrat untuk membina masyarakat yang lebih baik ini akan menjadi lebih kuat apabila bergabung bersama dalam satu gerakan yang lebih besar di peringkat antarabangsa. Kita perlu mulakan dari hari ini, usaha kita untuk membina masa depan yang lebih baik.



## Seruan terbuka daripada *Progressive International*:

Terdapatnya satu perang global yang telah dilancarkan terhadap pekerja-pekerja, terhadap alam sekitar kita, terhadap demokrasi, terhadap tatasusila.

Satu jaringan puak berhaluan kanan sedang bekerjasama merentasi sempadan untuk menghakim hak asasi manusia, mendiamkan suara bantahan, dan menggalakkan sikap tidak bertoleransi. Tidak sejak tahun 1930, kemanusiaan menghadapi ancaman kewujudan sebegini.

Untuk mengalahkan Internasional Nasionalis ini, kita tidak boleh semata-mata kembali kepada status quo yang telah gagal. Globalisasi yang tidak terkawal menjanjikan keamanan dan kemakmuran. Namun, sebaliknya ia mendatangkan krisis kewangan, perang yang tidak patut berlaku, dan perubahan iklim yang membawa bencana.

Masa sudah sampai untuk golongan progresif membentuk gerakan akarumbi demi keadilan global: untuk memobilisasi pekerja-pekerja, wanita dan rakyat yang dilucutkan hak di seluruh dunia di sebalik visi bersama untuk demokrasi, kemakmuran, kelestarian dan solidariti.

Internasional Progresif kita akan mendekati komuniti-komuniti di setiap sudut dunia untuk membantu dalam membina visi bersama kita.

Internasional Progresif kita akan berdiri bersama rakyat yang berjuang untuk menamatkan ketidaksamarataan, eksloitasi, diskriminasi dan kemuadian alam sekitar.

Internasional Progresif kita akan menuntut semula komuniti-komuniti kita, bandar-bandar kita, negara-negara kita, dan planet kita dengan satu *New Deal* Antarabangsa yang berani, di mana kita akan berkerja, secara bersama, untuk menyampaikannya.

Tiba masanya untuk golongan progresif sedunia bersatu.

Hari ini, bagi pihak DiEM25 dan *The Sanders Institute*, kami mengeluarkan Seruan untuk Bertindak: untuk mewujudkan satu jaringan global bagi individu-individu dan organisasi-organisasi yang akan berjuang bersama demi maruah, keamanan, kemakmuran dan masa depan planet kita.

## Penduduk Ladang Padang Meha tuntut MBF selesaikan masalah perumahan



Penduduk-penduduk dari Ladang Padang Meha di Kedah yang juga merupakan bekas pekerja di situ, telah berprotes di hadapan Menara MBF di Kuala Lumpur pada 25 Oktober lalu, untuk menuntut pada MBF Holdings supaya menyelesaikan masalah pampasan rumah yang telah berlarutan untuk 23 tahun.

Seramai lebih 200 orang pekerja di Ladang Padang Meha, Kedah, telah diberhentikan kerja pada 12 Mac 1995 tanpa sebarang pampasan apabila ladang tersebut dijual kepada MBF Country Homes & Resort Sdn Bhd (kemudiannya dikenali sebagai Syarikat Alamanda Development Sdn Bhd). Pada tahun 2011, Mahkamah Tinggi Alor

Setar telah memutuskan bahawa bekas pekerja Ladang Padang Meha berhak untuk menerima pampasan berserta tambahan RM 22,500 setiap pekerja bagi tujuan ganti rumah. Namun, sehingga hari ini, bekas pekerja Ladang Padang Meha masih tidak menerima wang tersebut kerana syarikat Alamanda Development Sdn Bhd diisyiharkan muflis. Bekas pekerja Ladang Padang Meha telah banyak kali berbincang untuk mendapatkan pampasan tersebut melalui pihak pelikuidasi tetapi gagal. Bekas pekerja Ladang Padang Meha sekarang ini berada di ambang pengusiran paksa selepas kalah dalam satu kes mahkamah berkenaan dengan tuntutan rumah.

## Pekerja pembersihan hospital kerajaan menang undi pengiktirafan kesatuan

Pengundian sulit untuk pengiktirafan kesatuan sekerja untuk pekerja-pekerja perkhidmatan sokongan di hospital kerajaan di negeri Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis, telah diadakan pada 24 September hingga 30 Oktober lalu. Walaupun menghadapi pelbagai ancaman dan halangan daripada pihak majikan, pekerja-pekerja perkhidmatan sokongan yang diupah oleh kontraktor swasta, khususnya pekerja-pekerja pembersihan, telah berjaya mendapat undi majoriti untuk pengiktirafan kesatuan sekerja. Lebih separuh daripada pekerja-pekerja pembersihan yang diupah oleh NS Medik Sdn Bhd telah mengundi untuk kesatuan.

Edgenta Mediserve Sdn Bhd, sebuah anak syarikat kepada UEM Group yang dimiliki sepenuhnya oleh Khazanah Nasional Berhad, merupakan pemegang konsesi untuk membekalkan perkhidmatan sokongan (termasuk perkhidmatan dobi, pembersihan,

penyelenggaraan kejuruteraan, penyelenggaraan kejuruteraan bio-perubatan, pengurusan sisa-sisa dan pengurusan kemudahan). NS Medik Sdn Bhd pula ialah kontraktor yang dilantik oleh Edgenta Mediserve untuk pelaksanaan kerja-kerja pembersihan. Pekerja-pekerja pembersihan yang diupah oleh NS Medik Sdn Bhd menghadapi pelbagai masalah.

PSM telah memberi sokongan kepada usaha pembentukan kesatuan sekerja untuk pekerja-pekerja perkhidmatan sokongan di hospital ini sejak awal lagi.

Dengan kemenangan pengundian pengiktirafan kesatuan ini, Kesatuan Pekerja-Pekerja Swasta Perkhidmatan Sokongan Di Hospital-Hospital Kerajaan Semenanjung Malaysia dapat bergerak selangkah ke hadapan untuk memperjuangkan hak pekerja perkhidmatan sokongan di hospital kerajaan. Ini hanyalah satu permulaan untuk peringkat baru perjuangan yang berterusan.



## Kes terhadap Arul digugurkan



Pada 15 Ogos lalu, pihak pendakwara telah menarik balik pendakwaan di bawah Akta Hasutan terhadap S. Arutchelvan, Ahli Jawatankuasa Pusat PSM. Arutchelvan dilepaskan dan dibebaskan oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur.

Sebelum ini, Arutchelvan didakwa di bawah Seksyen 4(1)(c) Akta Hasutan pada 23 November 2015 atas sebab kenyataannya pada 10 Februari 2015 yang mengkritik keputusan Mahkamah Persekutuan tentang kes liwat Anwar Ibrahim.

## Sambutan Hari Habitat 2018 Perumahan untuk semua



PSM telah menganjurkan satu aksi sambutan Hari Habitat Sedunia 2018 pada 30 September lalu di Kuala Lumpur. Aksi tersebut melibatkan perarakan dari Stesen LRT Masjid Jamek ke Bukit Bintang. PSM mengemukakan Deklarasi Hari Habitat 2018 yang merangkumi tuntutan seperti perumahan mampu milik untuk semua, mengiktiraf hak peneroka bandar, menghentikan pengusiran paksa, menangani masalah berkaitan pinjaman bank, pihak berkuasa tempatan mengambil alih penyelenggaraan rumah pangsa kos rendah, cukai hartanah yang progresif dan sebagainya.

## Sambutan ulangtahun ke-20 penubuhan PSM



PSM telah menganjurkan satu majlis jamuan makan pada 21 Oktober lalu di Kuala Lumpur, untuk meraikan ulangtahun-20 penubuhan PSM. Antara tetamu khas yang menyampaikan ucapan semasa majlis jamuan makan ini ialah Ragunath Kesavan, peguam yang pernah mewakili PSM dengan kes mahkamah pendaftaran PSM. Majlis turut dimeriahkan dengan persembahan lagu dan sebuah sketsa lakonan khas yang menceritakan sejarah PSM berjuang untuk pendaftaran sebagai parti politik.

## PROTES TUNTUT GAJI SARA HIDUP

Satu aksi protes membantah kenaikan gaji minimum yang tidak mencukupi telah diadakan pada 17 Oktober 2018 di hadapan bangunan Parlimen di Kuala Lumpur. Protes anjuran Gabungan Bantah RM1050 ini disertai oleh ahli-ahli kesatuan sekerja, aktivis-aktivis sosial dan pekerja-pekerja biasa. Parti Sosialis Malaysia (PSM) turut serta dalam protes ini. Pekerja-pekerja menuntut gaji yang adil.

Hasil daripada protes tersebut, Kerajaan Persekutuan telah menaikkan lagi gaji minimum kepada RM1,100, RM50 lebih banyak berbanding cadangan kenaikan RM50 pada asalnya. Namun, kadar gaji minimum ini masih tidak mencukupi.



Diterbitkan oleh: Parti Sosialis Malaysia (PSM)

Alamat: 140A, Jalan Sultan Abdul Samad, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.

Tel /Faks: 03-22762247

E-mel: sosialis.psm@gmail.com

Facebook / Twitter / Instagram: psm.sosialis